

Pengajian Am (900/2)



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 42,899 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 46.86%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.12	3.26	4.34	7.66	7.21	10.02	12.25	7.02	17.47	6.79	21.85

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya berada pada tahap yang lemah. Bagi Bahagian A, iaitu soalan struktur, sebahagian besar calon tidak langsung menjawab soalan dalam bahagian ini manakala sesetengahnya menjawab sebahagiannya sahaja.

Bagi Bahagian B pula, iaitu soalan alih bentuk komunikasi (teks linear kepada teks bukan linear), kebanyakan calon dapat menentukan media yang perlu dihasilkan daripada teks yang diberikan dengan tepat. Namun demikian, sebilangan besar calon tidak menguasai teknik menghasilkan graf yang baik. Faktor kecuaiian menjadi sebab utama kebanyakan calon hilang markah walaupun telah menghasilkan media yang kelihatan sempurna.

Bagi Bahagian C pula, iaitu soalan esei, sebilangan besar calon tidak dapat mengemukakan isi atau idea yang relevan.

Dari segi bahasa, tahap penguasaan bahasa kebanyakan calon adalah lemah. Calon tidak menguasai penggunaan bahasa yang tepat dan mengikut hukum tatabahasa. Kesalahan ejaan dan struktur ayat masih dapat dilihat dengan ketara.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Soalan Struktur

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga petunjuk prestasi utama bagi menunjukkan Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak pasti petunjuk prestasi utama bagi menunjukkan Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Hal ini demikian kerana, calon memberikan pelbagai jawapan bagi soalan ini. Jawapan yang sepatutnya adalah pendapatan per kapita yang tinggi, Keluaran Dalam Negara

Kasar yang tinggi, kadar produktiviti tenaga buruh tinggi, saiz ekonomi berintensifkan pengetahuan berkembang, kreativiti dan inovasi berkembang, kadar atau peratusan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) meningkat, tahap kesihatan yang tinggi, prasarana yang lengkap dan moden, kecekapan pengurusan alam sekitar, dan sumber digunakan dengan optima.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dua objektif penggubalan Rukun Negara. Sungguhpun Rukun Negara ialah sesuatu yang lazim dilafazkan oleh calon di sekolah, namun ada dalam kalangan calon yang tidak tahu tentang dua objektif yang dikemukakan. Calon juga didapati kurang menghuraikan objektif yang ditulis sebagai jawapan kepada soalan ini. Jawapan yang sepatutnya adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan anggota masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil, menjamin cara hidup yang liberal terhadap tradisi kebudayaan setiap kaum, dan membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden.

Soalan 3(a)

Soalan ini menghendaki calon menamakan dua Rancangan Malaysia yang terdapat dalam tempoh pelaksanaan Dasar Wawasan Negara. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan calon berbentuk tanggapan atau andaian sahaja (*guesswork*). Jawapan yang sepatutnya adalah Rancangan Malaysia Kelapan (Tahun 2001 – 2005), dan Rancangan Malaysia Kesembilan (Tahun 2006 – 2010).

Soalan 3(b)

Soalan ini menghendaki calon memberikan dua dimensi baru yang diperkenalkan dalam Dasar Wawasan Negara. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini kerana mereka mengemukakan isi atau idea yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Hal ini berlaku kerana berkemungkinan ramai calon tidak memahami maksud '*dimensi*' dalam soalan yang dikemukakan. Jawapan yang sepatutnya adalah membangunkan masyarakat Malaysia berasaskan pengetahuan, menjana pertumbuhan ekonomi berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan, menjadikan sektor pertanian, pembuatan, dan perkhidmatan lebih unik, membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup kelompok kecil miskin di bandar dan pedalaman, serta mencapai sasaran penyertaan Bumiputera dalam ekonomi dan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30%.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dua manfaat yang diperoleh oleh rakyat melalui pelaksanaan Dasar Sosial Negara. Terdapat kalangan calon yang dapat mengemukakan sekurang-kurangnya satu isi atau idea dengan huriannya yang agak baik. Namun demikian, terdapat sebilangan besar calon yang memberikan isi atau idea yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah mendapat keperluan asas, mendapat peluang untuk membangunkan potensi dan keperluan diri, serta menikmati keperluan atau khidmat sosial.

BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan penggunaan air bermeter mengikut sektor dan negeri terpilih bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2010 di Semenanjung Malaysia.

Sebahagian besar calon boleh menghasilkan media yang dikehendaki berdasarkan kata kunci dalam soalan. Walau bagaimanapun, oleh sebab cuai, ada dalam kalangan calon yang hilang markah sungguhpun media yang dihasilkan kelihatan sempurna. Antara kesalahan yang ketara dilakukan oleh calon adalah tidak menulis perkataan 'bermeter' pada label di paksi X. Calon cuma menulis 'Penggunaan air (juta liter sehari)'. Sepatutnya label itu ditulis sebagai 'Penggunaan air bermeter (juta liter sehari)'. Bagi soalan ini, calon hendaklah menyediakan graf bar piramid kompaun.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menyediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan bilangan pendatang asing tanpa izin (PATI) mengikut negara asal dan mengikut program penyelesaian menyeluruh pada 16 Disember 2011. Tidak ramai calon yang memilih soalan ini untuk dijawab. Bagi calon yang memilih untuk menjawab soalan ini, ramai dalam kalangan mereka yang hilang markah kerana teknik penulisan peratus yang tidak seragam atau tidak lengkap dalam carta yang dihasilkan. Sebagai contoh, ada calon yang menulis peratus di luar dan di dalam carta. Sepatutnya calon menulis peratus tersebut sama ada di dalam carta sahaja ataupun di luar carta sahaja. Ada juga calon yang menulis peratus pada bahagian mengikut negara sahaja tetapi tiada peratus pada bahagian jenis penyelesaian ataupun menulis peratus pada bahagian jenis penyelesaian sahaja tetapi tiada peratus pada bahagian mengikut negara. Di samping itu, ada calon yang mengemukakan jadual sahaja. Bagi soalan ini, calon hendaklah menyediakan carta pai bertingkat.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon membincangkan Program Bandar Selamat bukanlah satu-satunya cara bagi kerajaan mengurangkan jenayah daripada berleluasa di negara ini. Sebilangan besar calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan satu isi atau idea berserta dengan huraian. Walau bagaimanapun, kekurangan pengetahuan tentang 'Bandar Selamat' telah menyebabkan majoriti calon tidak memilih untuk menjawab soalan ini. Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini ialah Program Bandar Selamat (isi/idea wajib), Program Kehadiran Polis di mana-mana, pendidikan pencegahan jenayah, penglibatan penduduk setempat, memperkasakan kuat kuasa undang-undang, pengaplikasian teknologi canggih, dan Program Pemulihan Dadah Agensi Anti-Dadah Kebangsaan.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan amalan membawa anak-anak kecil untuk turut sama berniaga sehingga larut malam yang merupakan satu tindakan yang kurang bijak terhadap diri anak-anak tersebut. Hal ini kerana, calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua isi atau idea berserta huraian. Sungguhpun demikian, antara kelemahan calon ialah salah memahami kehendak soalan. Calon kurang memberi perhatian kepada ungkapan 'anak-anak kecil'. Calon menggunakan perkataan 'kanak-kanak' dan bukannya 'anak-anak kecil' dalam jawapan mereka. Ungkapan 'anak-anak kecil' sahaja yang diterima kerana ungkapan tersebut adalah seperti yang tertera pada soalan dan ungkapan tersebut merujuk kepada anak peniaga tersebut. Manakala penggunaan ungkapan 'kanak-kanak' tidak diterima kerana ungkapan tersebut tidak memberi maksud anak kepada peniaga. Hal ini memberikan kesan kepada jawapan calon. Perkara sebegini menyebabkan calon kehilangan markah.

Bahasa Melayu (910/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 26,390 calon. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 58.66%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.43	3.37	9.89	6.78	11.92	4.61	14.66	5.11	5.11	5.20	25.92

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	C	21	D
2	D	12	B	22	A
3	A	13	D	23	D
4	C	14	B	24	B
5	C	15	B	25	D
6	A	16	C	26	A
7	B	17	D	27	C
8	C	18	D	28	B
9	A	19	B	29	A
10	B	20	C	30	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi penggal ini adalah sederhana. Terdapat dua orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 29 markah. Terdapat 46 orang calon yang mendapat markah yang terendah, iaitu 0 markah.

Calon mendapati bahawa soalan 21 dan 28 merupakan soalan beraras mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 2, 6, 7, 9, 14, 15, 18, 23, dan 30 merupakan soalan beraras sederhana. Soalan-soalan lain merupakan soalan yang sukar bagi calon kerana hanya 20 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul.

Komen soalan demi soalan

Soalan 26

Soalan ini memerlukan calon mengenal pasti padanan ayat yang betul bagi *P* dan *Q*, iaitu:

<i>P</i>	Memang sukar untuk seseorang itu menyelesaikan masalah secara bersendirian.
<i>Q</i>	Kami beranggapan bahawa masalah kewangannya sudah selesai.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah A, iaitu

<i>P</i>	Ayat komplemen frasa nama subjek
<i>Q</i>	Ayat komplemen frasa kerja

Sebanyak 29.2 peratus calon yang berprestasi tinggi memilih A sebagai jawapan. Namun demikian, terdapat sebanyak 24.5 peratus calon yang berprestasi tinggi memilih distraktor C sebagai jawapan, iaitu

<i>P</i>	Ayat komplemen frasa adjektif
<i>Q</i>	Ayat komplemen frasa kerja

Jawapan ini tidak tepat kerana ayat *P* bukannya ayat komplemen frasa adjektif. Calon didapati memilih jawapan ini kerana mereka merujuk frasa “memang sukar” sebagai frasa adjektif. Sebenarnya, ia merupakan ayat komplemen frasa nama subjek yang dibina secara songsang.

Soalan 27

Soalan ini memerlukan calon mengenal pasti ayat yang tidak mengalami proses pengguguran. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah C, iaitu: Pelari tinggi lampai itu adik bongsu saya. Sebanyak 30.9 peratus calon berprestasi tinggi memilih C sebagai jawapan. Namun demikian, terdapat 23.4 peratus calon berprestasi tinggi memilih distraktor B sebagai jawapan, iaitu: Pemandangan itu amat mengagumkan. Jawapan ini tidak tepat kerana terdapat pengguguran frasa nama sebagai objek selepas kata kerja “mengagumkan” yang membawa makna adjektif dalam ayat berkenaan.

Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam bahagian A memuaskan.

BAHAGIAN B: Soalan Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah lemah. Hal ini demikian kerana sebahagian besar calon mendapat markah yang rendah untuk bahagian ini. Terdapat juga calon yang tidak mendapat sebarang markah. Kelemahan calon yang ketara ialah calon gagal memberikan jawapan yang bertepatan dengan kehendak soalan. Ada calon yang tidak menjawab semua soalan. Terdapat calon yang menjawab semua soalan tetapi semua jawapan yang diberikan tidak tepat. Calon tidak teliti dan masih mengagak-agak dalam memberikan jawapan. Keadaan ini menggambarkan bahawa aspek penguasaan tatabahasa dalam kalangan mereka amat lemah. Hal ini demikian kerana pelajar kurang pengetahuan tentang tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran.

Calon berprestasi tinggi membuat persediaan secukupnya untuk menghadapi peperiksaan. Mereka dapat menjawab soalan dengan tepat. Oleh hal yang demikian, mereka memperoleh markah yang tinggi dalam bahagian ini.

Komen soalan demi soalan


Soalan 31

(i)	Kata tunggal
(ii)	Akronim
(iii)	Kata kerja
(iv)	Kata nama
(v)	Awalan + kata dasar
(vi)	Apitan + kata dasar

Soalan 31 terbahagi kepada dua, iaitu 31(a) dan 31(b). Soalan 31(a) menghendaki calon memberikan definisi *morfologi* berdasarkan jadual yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya ialah “morfologi ialah bidang yang mengkaji struktur kata, bentuk kata, dan golongan kata”. Jawapan calon mestilah mengandungi ketiga-tiga unsur yang dikaji dalam morfologi, iaitu struktur kata, bentuk kata, dan golongan kata. Terdapat segelintir calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada juga calon yang memberikan jawapan yang tidak lengkap. Mereka tidak memberikan tiga unsur yang dikaji dalam bidang morfologi. Hal ini menyebabkan jawapan berkenaan tidak diterima dan calon mendapat 0 markah.

Soalan 31(b) menghendaki calon memberikan satu contoh perkataan yang menepati (v), iaitu awalan + kata dasar. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “bermain”, “diberi”, dan “tatacara”. Ramai calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak memberikan contoh perkataan seperti yang diminta, sebaliknya mereka memberikan bentuk kata yang terhasil, iaitu kata terbitan. Selain itu, ada juga calon yang memberikan jawapan dalam bentuk ayat, dan perkataan yang dimaksudkan itu tidak digariskan dalam ayat berkenaan.

Soalan 32




Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 32(a) dan 32(b). Soalan 32(a) memerlukan calon menamakan bentuk kata X berdasarkan rajah yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya ialah “kata ganda”. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, calon yang lemah memberikan istilah yang pelbagai bagi X, seperti “kata akar” dan “kata berganda”. Jawapan ini nyata salah dan calon diberikan 0 markah.

Soalan 32(b) memerlukan calon menyatakan dua jenis kata majmuk. Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini ialah:

- (i) kata majmuk rangkai kata bebas
- (ii) kata majmuk istilah khusus
- (iii) kata majmuk kiasan

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan dua daripada tiga jenis kata majmuk yang betul. Calon berprestasi rendah pula memberikan jenis kata majmuk yang tidak lengkap. Mereka tidak menulis “kata majmuk”, sebaliknya mereka hanya memberikan jawapan seperti “rangkai kata bebas”, “istilah khusus”, dan “kiasan”. Ini menjadikan jawapan calon salah dan mereka diberikan 0 markah. Selain itu, ada calon yang tidak dapat memberikan istilah yang tepat dan lengkap. Contohnya, mereka memberikan jawapan seperti “kata majmuk rangkai kata”, “kata majmuk simpulan bahasa”, “kata kiasan”, “kata majmuk gabungan”, dan “kata majmuk bebas”. Calon juga didapati keliru antara kata majmuk dengan ayat majmuk. Oleh itu, calon memberikan dua jenis ayat sebagai jawapan, seperti “ayat relatif”, “ayat komplemen” dan “ayat keterangan”. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat sebarang markah.

Soalan 33



Soalan 33 terbahagi kepada tiga, iaitu 33(a), 33(b), dan 33(c). Soalan 33(a) menghendaki calon menyatakan kategori darjah X berdasarkan rajah yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “darjah biasa”. Sesetengah calon dapat menyatakan kategori darjah bandingan X. Namun demikian, ada juga

sesetengah calon yang tidak menggunakan istilah yang menepati darjah X. Mereka memberikan jawapan yang tidak lengkap, seperti dengan menggugurkan perkataan “darjah”. Selain itu, ramai calon menamakan kategori X sebagai “darjah permulaan”. Hal ini demikian kerana calon merujuk kepada rangsangan dalam petak ketiga dalam rajah, iaitu “darjah penghabisan”. Antara jawapan calon yang lain ialah “darjah pembukaan”, “darjah keterbukaan”, dan “darjah anugerah”. Semua jawapan ini tidak diterima dan calon diberikan 0 markah.

Soalan 33(b) menghendaki calon membina satu ayat yang gramatis yang menggunakan kata adjektif bagi menyatakan darjah bandingan yang sama. Calon sepatutnya membina ayat yang mematuhi binaan yang berikut, iaitu:

- (i) *se-* + kata adjektif
Contoh: Makanan di restoran ini *sesedap* makanan masakan ibu.
- (ii) *sama* + kata adjektif + *dengan*
Contoh: Rumah Ahmad *sama* besar *dengan* rumah Ali.
- (iii) kata adjektif + *kata bandingan* + *kata nama*
Contoh: Lagaknya *umpama* orang kaya.

Ramai calon dapat membina ayat yang betul bagi menunjukkan darjah bandingan yang sama dengan menggunakan kata awalan *se-* pada kata adjektif.

Soalan 33(c) menghendaki calon membina satu ayat yang gramatis yang menggunakan kata penguat bagi menyatakan darjah bandingan yang berbeza. Calon sepatutnya membina ayat yang mengandungi rangkai kata “lebih...daripada” atau “kurang...daripada”. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah:

- (i) Rumah agam hartawan ini *lebih* besar *daripada* rumah agam pengurus itu.
- (ii) Perniagaannya *kurang* maju *daripada* perniagaan adiknya.

Ramai calon menggunakan rangkai kata “lebih...daripada” berbanding dengan “kurang...daripada” dalam pembinaan ayat. Namun demikian, ada juga calon yang membina ayat tanpa menggunakan rangkai kata bandingan. Contoh jawapan calon: Ali dan Abu sesungguhnya mempunyai sikap yang amat berbeza. Jawapan sebegini tidak diterima kerana tiada rangkai kata bandingan. Oleh itu, calon mendapat 0 markah.

Soalan 34

Soalan ini memerlukan calon menyatakan fungsi imbuan yang terdapat pada perkataan yang dicondongkan dalam ayat yang diberikan, iaitu:

- (i) Kejelitaan gadis itu *menarik* perhatian orang ramai.
- (ii) Dia *kehilangan* banyak darah semasa dia luka tadi.
- (iii) Wajahnya yang *keinggerisan* memudahkan dia dikenali.

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah:

- (i) Menarik: pengekal/penetap golongan kata
- (ii) Kehilangan: pengekal/penetap golongan kata
- (iii) Keinggerisan: pengubah golongan kata

Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat membezakan istilah “fungsi” dengan “golongan” dalam tatabahasa. Untuk ayat (i), calon mengetahui fungsi awalan *meN-* sebagai penetap golongan kata apabila ia bergabung dengan kata dasarnya “tarik” yang merupakan kata kerja. Untuk ayat (ii) dan (iii) juga, calon dapat memberikan jawapan yang betul. Hal ini demikian kerana calon dapat mengenal pasti apitan *ke...-an* yang boleh berfungsi sebagai apitan kata kerja dan apitan kata adjektif.

Namun demikian, ada juga calon yang tidak memahami konsep “fungsi” dalam tatabahasa. Mereka tidak mengetahui bahawa imbuhan boleh mengubah dan mengekal sesuatu golongan kata. Oleh sebab itu, mereka memberikan jawapan yang salah, seperti yang berikut:

- (i) Menarik berfungsi sebagai kata kerja
- (ii) Kehilangan sebagai kesan yang dialami setelah luka
- (iii) Keinggerisan sebagai persamaan rupa

Jawapan sebegini ternyata tidak memenuhi kehendak soalan. Oleh hal yang demikian, calon diberikan 0 markah.

Soalan 35

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu soalan 35(a) dan 35(b). Soalan 35(a) menghendaki calon menyatakan bentuk ayat yang berikut:

- (i) Ayah menonton televisyen.
- (ii) Ibu membaca novel.
- (iii) Ayah menonton televisyen sementara ibu membaca novel.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Ayat tunggal
- (ii) Ayat tunggal
- (iii) Ayat majmuk

Sesetengah calon memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka memahami konsep bentuk ayat. Namun demikian, ramai calon yang tidak memahami istilah bentuk ayat. Hal ini menunjukkan bahawa calon masih belum dapat mengkategorikan ayat kepada jenis-jenisnya. Calon memberikan pelbagai jawapan yang jelas salah, seperti “ayat aktif”, “ayat dasar” dan “ayat penyata”.

Soalan 35(b) menghendaki calon menulis klausa yang membina ayat dalam (iii), iaitu:

Ayah menonton televisyen sementara ibu membaca novel.

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah:

- (i) ayah menonton televisyen
- (ii) sementara ibu membaca novel

Kebanyakan calon hanya memberikan jawapan yang betul bagi klausa pada (i). Ramai calon didapati tidak dapat mengenal pasti klausa bebas dan klausa tak bebas yang terdapat dalam ayat (iii). Ada calon yang menjawab soalan ini tanpa merujuk kepada arahan soalan. Hal ini menyebabkan mereka membina klausa mereka sendiri. Kesannya, mereka tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 36

Soalan ini terbahagi kepada tiga, iaitu soalan 36(a), 36(b), dan 36(c). Soalan 36(a) memerlukan calon menyatakan subjek bagi ayat yang diberikan, iaitu:

Rumah papan di hujung kampung di tepi sungai itu rumah lama datuk saya.

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “rumah papan di hujung kampung di tepi sungai itu”. Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan calon tidak dapat mengesan subjek ayat. Mereka menulis subjek yang tidak lengkap, iaitu dengan menggugurkan kata ganti nama tunjuk “itu” sebagai penentu frasa subjek berakhir. Selain itu, calon juga cenderung untuk mengambil sebahagian frasa subjek, seperti “rumah papan di hujung kampung”. Jawapan sebegini tidak tepat dan calon diberikan 0 markah.

Soalan 36(b) menghendaki calon menyatakan frasa utama bagi subjek ayat yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya ialah “rumah papan itu” atau “rumah papan”. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon hanya menyenaraikan frasa yang terdapat dalam ayat yang diberikan. Selain itu, calon juga cenderung untuk menyatakan jenis frasa, dan bukannya menyatakan frasa utama dalam subjek ayat berkenaan. Hal ini menyebabkan calon mendapat 0 markah untuk soalan ini.

Soalan 36(c) menghendaki calon mengenal pasti frasa nama yang terdiri daripada binaan “inti + penerang nama jenis” dalam ayat yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “rumah papan”. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami konsep “inti + penerang nama jenis”. Oleh hal yang demikian, calon memberikan jawapan yang tidak tepat. Contoh jawapan calon ialah “rumah lama” dan “datuk saya”.

Soalan 37

Soalan 37 berdasarkan jadual yang berikut:

<i>Jenis ayat perintah</i>	<i>Contohnya</i>
Permintaan	
<i>P</i>	Sila jawab soalan ini.
Larangan	Tak usah menangis lagi!
Suruhan	Buka pintu itu.
Ajakan	<i>Q</i>

Soalan 37 terbahagi kepada dua, iaitu 37(a) dan 37(b). Soalan 37(a) memerlukan calon menamakan jenis ayat perintah bagi *P*. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “ayat silaan”. Ramai calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini.

Soalan 37(b) menghendaki calon membina satu ayat perintah yang sesuai bagi *Q*. Setengah calon dapat membina ayat yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, masih ada calon yang membina ayat penyata,

ayat silaan, dan ayat suruhan bagi soalan ini, sedangkan soalan ini menghendaki calon membina ayat ajakan. Contoh ayat yang dibina oleh calon ialah:

- (i) Aminah mengajak Siti untuk pergi ke kedai buku.
- (ii) Sila ke depan rumah.
- (iii) Bukalah sahaja lembaran baru.

Jawapan sedemikian memberikan gambaran bahawa calon langsung tidak dapat membuat perbezaan antara ayat penyata, ayat silaan, dan ayat suruhan dengan ayat ajakan.

Soalan 38

Soalan ini memerlukan calon menganalisis kesalahan bahasa dalam petikan yang diberikan. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Prestasi calon untuk soalan ini adalah memuaskan. Calon yang berprestasi tinggi memperoleh 6 markah untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti kesalahan bahasa dan membuat pembetulannya. Tiada calon yang mendapat markah penuh bagi soalan ini. Kebanyakan calon hanya dapat mengemukakan dua atau tiga kesalahan dan membuat pembetulannya dengan tepat, tetapi mereka gagal menjelaskan sebab kesalahan. Ada juga calon yang hanya dapat menyenaraikan kesalahan, namun mereka tidak dapat membuat pembetulan bagi kesalahan berkenaan. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menunjukkan bahagian atau struktur yang salah dengan tepat. Istilah yang digunakan oleh mereka untuk unsur-unsur yang membina sesuatu struktur itu juga kebanyakannya salah, misalnya “perkataan” atau “frasa” disebut sebagai “ayat”.

Kesalahan pertama dalam petikan yang diberikan ialah “tertipu akibat”. Kesalahan ini adalah disebabkan tiada kata sendi nama “oleh” selepas kata kerja pasif berawalan *ter-*. Pembetulannya ialah “tertipu oleh”. Namun demikian, ramai calon tidak dapat mengenal pasti kesalahan ini. Hal ini menyebabkan calon kehilangan 3 markah.

Kesalahan kedua dalam petikan berkenaan ialah “Hal ini kerana”. Kesalahan ini adalah kerana klausa utama tidak mempunyai predikat. Pembetulannya ialah “Hal ini demikian kerana”, “Hal ini disebabkan”, atau “Hal ini dikatakan demikian kerana”. Ramai calon dapat mengenal pasti kesalahan ini dan membuat pembetulannya. Namun demikian, calon gagal menjelaskan sebab kesalahannya. Calon memberikan sebab yang salah, contohnya “kerana tidak boleh dijadikan kata hubung selepas hal ini” dan “kesalahan disebabkan oleh unsur lewah”. Ada juga calon yang langsung tidak memberikan sebab kesalahan.

Kesalahan ketiga dalam petikan ialah “membantu pengguna mengatasi masalah”. Kesalahan ini adalah kerana tiada kata hubung keterangan tujuan dalam ayat majmuk. Pembetulannya ialah “membantu pengguna untuk mengatasi masalah”, “membantu pengguna dalam mengatasi masalah”, atau “membantu pengguna bagi mengatasi masalah”. Hanya segelintir calon dapat mengesan kesalahan ini dan membuat pembetulan yang tepat. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat memberikan sebab kesalahan. Hal ini menyebabkan calon mendapat 2 markah sahaja.

Ada segelintir calon yang menyenaraikan kesalahan yang lebih daripada tiga dengan harapan bahawa ada antaranya merupakan jawapan yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak pasti jawapan yang sebenarnya. Walaupun kesalahan yang dikenal pasti dan disenaraikan sebagai jawapan keempat adalah betul, jawapan calon tidak akan disemak dan tidak akan diberikan sebarang markah kerana calon sepatutnya hanya mengenal pasti tiga kesalahan.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, sebanyak 1,373 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 46.04% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.96	2.99	2.23	6.74	9.35	7.69	12.08	4.07	4.64	3.31	41.96

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada penggal ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 51 markah daripada markah penuh 70 markah dan dua orang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu satu markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Tiga soalan, iaitu soalan 1 dan 9 ialah soalan yang beraras mudah. Bagi soalan 2, 3, 4, dan 5 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 6, 7, dan 8 ialah soalan aras sukar.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN I: Kefahaman

Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), dan (d), menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang menjawab dengan menggunakan gaya bahasa teks yang diberikan, tidak menggunakan gaya bahasa sendiri. Hal ini demikian kerana calon tersebut lemah dalam bidang *nahu* dan *saraf*. Soalan (e) ialah soalan aras tinggi yang memerlukan calon memahami dengan baik maksud perkataan berkenaan dan membina ayat yang lengkap dengan menggunakan perkataan tersebut. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat perkataan yang dikemukakan. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat memahami maksud perkataan tersebut selain lemah dalam pembinaan ayat. Calon sepatutnya memastikan sama ada perkataan yang diberikan itu dalam bentuk kata nama terbitan, kata sifat, atau kata kerja. Kemudian calon perlu menyesuaikan dengan ayat yang hendak dibina.

BAHAGIAN II: Karangan

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyatakan seorang pemain bola sepak yang paling diminati. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menerangkan perihal bola sepak secara umum. Hal ini demikian kerana calon tidak faham kehendak soalan selain tidak menguasai perbendaharaan kata. Calon sepatutnya mengenal pasti seorang pemain bola sepak yang diminatinya. Kemudian calon perlu menerangkan serba sedikit latar belakang pemain tersebut dan menyatakan kelebihan berbanding pemain lain

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kesan didikan ibu bapa, masyarakat, dan guru-guru sehingga calon menjadi seorang yang berguna. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat memberikan isi dan idea yang tepat, jelas, dan konkrit. Antara kesan didikan yang dikemukakan oleh calon ialah calon menjadi seorang yang rajin belajar, sabar menempuh dugaan, tolong menolong, nasihat menasihati, bersangka baik, dan lain-lain sifat yang terpuji.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan unsur positif dan negatif yang terdapat dalam media elektronik dan media cetak serta menyatakan kesannya terhadap masyarakat. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kelemahan yang ketara ialah calon gagal mengemukakan isi secara konkrit dan tepat. Kebanyakan calon mengemukakan isi mengenai kepentingan surat khabar, majalah, Internet, radio, dan televisyen secara umum tanpa dikaitkan dengan unsur positif dan negatif. Calon sepatutnya mengenal pasti unsur positif dan negatif media tersebut dan menyatakan kesannya terhadap masyarakat.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menulis satu surat kiriman kepada seorang sahabat baiknya yang berada di luar negara dan mengharapkan doa darinya agar calon berjaya dalam peperiksaan. Jawapan yang perlu dinyatakan oleh calon adalah berformatkan surat kiriman tidak rasmi dan menyatakan sekurang-kurangnya dua isi penting, iaitu; calon menulis surat kepada sahabat baiknya yang berada di luar negara dan calon hendaklah memohon kawannya supaya mendoakannya agar dapat lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan yang didudukinya. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah calon dapat menulis esei berformatkan surat kiriman tidak rasmi dengan baik. Kebanyakan calon memilih soalan ini dengan anggapan bahawa ia soalan mudah, tetapi masih ramai calon yang tidak dapat memahami tugas sebenar yang dikehendaki oleh soalan ini, menyebabkan ada surat kiriman yang ditulis terkeluar dari tajuk dan kehendak sebenar tugas soalan. Kelemahan calon dalam menjawab soalan ini ialah mereka tidak memahami tugas sebenar soalan dan tidak berkemahiran menukar ayat atau gaya bahasa yang dikemukakan oleh soalan. Sebaliknya mereka hanya menyalin balik ayat dan ungkapan berkenaan dalam bentuk isi surat kiriman tanpa mengambil kira kaedah tatabahasa *sarf* dan *nahu*. Sepatutnya, calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan jawapan berupa sepucuk surat kiriman tidak rasmi seperti langkah-langkah berikut: menyatakan alamat calon (penulis) dengan jelas dan bertarikh, nama sahabatnya dan alamat, bertanya khabar sahabatnya, memohon doa dari sahabatnya agar lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan, ucapan penutup surat, dan tandatangan calon.

BAHAGIAN III: Saraf

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti lima perkataan tertentu dari teks yang diberikan berdasarkan lima timbangan *saraf* yang dikehendaki. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) pula menghendaki calon mengubah bentuk perkataan yang diberikan kepada bentuk *masdar mimi*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab empat daripada lima perkataan yang dikemukakan. Terdapat juga calon yang menjawab secara meneka dan tidak mengikut kaedah yang ditentukan. Hal ini demikian kerana calon tidak memahami kata dasar tersebut selain tidak memahami kaedah pembentukan *masdar mimi*.

BAHAGIAN IV: Qawaid

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjawab ayat tanya dengan menggunakan *maf'ul liajliah*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam penguasaan nahu, terutamanya tajuk yang berkaitan dengan *maf'ul liajliah*. Selain itu, calon kelihatan tidak memahami ayat tanya yang diberikan sehingga menjawabnya secara meneka dan menggunakan *maf'ul liajliah* yang tidak sesuai. Calon sepatutnya memastikan *maf'ul liajliah* yang sesuai sebelum menjawab soalan tersebut. Soalan (b) pula menghendaki calon mengubah *maf'ul* dalam ayat yang diberikan kepada *naib fa'il* dengan mengubah mana-mana perkataan lain sekiranya perlu. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka dapat menjawab empat daripada lima soalan yang diberikan. Namun demikian, terdapat juga calon yang hanya mengubah *maf'ul* kepada *naib fa'il* tanpa mengubah beberapa kata kerja yang sepatutnya diubah dari segi *ta'nis* dan *tazkir*.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan menggunakan *maf'ul fih* yang sesuai. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat menggunakan *maf'ul fih* yang sesuai kerana calon tidak memahami maksud ayat yang diberikan. Soalan (b) pula menghendaki calon membina ayat yang lengkap berdasarkan unsur-unsur yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab tiga daripada lima soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam bidang tatabahasa, terutamanya dalam tajuk *khobar* dan *idhafah*. Calon sepatutnya memastikan kelima-lima ayat yang hendak dibina terdiri daripada *mubtada'* dan *khobar*. *Khobar* bagi setiap ayat pula berbeza mengikut kehendak soalan.

BAHAGIAN V: Balaghah

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan *aghrad khobar* bagi empat contoh ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) mengenal pasti unsur *muqabalah* dalam petikan yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mengenal pasti perkataan yang mengandungi unsur *muqabalah* dengan menyatakannya secara berpasangan. Soalan (c) pula menghendaki calon memberikan contoh *kinayah* bagi perkataan *al-faqrū* dan *al-syuhrah*. Walaupun soalan ini berada pada aras kemahiran tinggi, kebanyakan calon dapat memberikan contoh *kinayah* bagi kedua-dua perkataan tersebut dengan betul. Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian *balaghah* ini dengan baik. Namun demikian, terdapat beberapa kesilapan yang dilakukan oleh calon terutamanya dalam aspek ejaan.

Literature in English (920/2)

OVERALL PERFORMANCE

67 candidates sat for this subject in Term 2, 2015 and 53.21% obtained full pass. The percentage of each grade is as follows:

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	8.06	12.90	4.84	8.06	8.06	4.84	6.45	16.13	12.90	8.06	9.7

General comments

For Paper 2, candidates are required to study the two plays prescribed in the syllabus namely *Twelfth Night* by William Shakespeare and *A Raisin in the Sun* by Lorraine Hansberry. Section A requires candidates to analyse a given excerpt from each play. Candidates are required to answer questions on one of them. Answers must focus entirely on the particular excerpt, demonstrating a close reading of, and a critical response to it. No reference should be made to extraneous details not found in the excerpt. For Sections B and C, candidates are required to answer compulsory essay questions on *Twelfth Night* and *A Raisin in the Sun* respectively. Answers require close reference to the plays and must be relevant, critical, and informed. Candidates must provide appropriate textual evidence to support their answers. Candidates, therefore, have to answer a total of three questions and each question carries 25 marks.

RESPONSES OF CANDIDATES

General comments on candidates' answers

In general, for Section A, most of the candidates preferred contemporary play to classical play, as 37 candidates opted to answer questions on *A Raisin in the Sun* and 25 candidates opted to answer questions on *Twelfth Night* respectively. Candidates were clearly more comfortable, more knowledgeable about the text, and were generally able to provide better quality answers compared to those who answered questions on *Twelfth Night*. In short, candidates were generally able to contextualise their responses to the excerpt-based questions in Section A within the broader textual frame.

For Sections B and C, some of the better candidates were able to perform well across board, but most of the candidates faltered in answering at least one question; thus reducing their overall scores. The main area of weakness was linked to the candidates' imprecise focus on the specific demands of the questions. Moreover, a number of answers submitted did not demonstrate close reference to the plays and hardly any textual evidence were provided to support their answers. Thus, it showed that candidates were generally lacking in depth of the literary knowledge and were not familiar with the mechanics and rigours of writing literary essays, resulting in answers that lacked coherence, making it difficult to follow the thread of the arguments.

Comments on individual questions

SECTION A: Critical Appreciation

Question 1

This question consists of two parts. The first part of the question required candidates to compare and contrast Orsino's and Viola's idea about love. Meanwhile, the second part of the question required candidates to discuss what is ironic in the passage given.

For the first part of the question, with close reference to the excerpt given, candidates are expected to compare and contrast Orsino's and Viola's idea about love. In the excerpt, Orsino seems to think that because he loves Olivia so much, she will have to love him in return. Viola then points out to him how unreasonable that is, but that does not convince him – at the end of the excerpt he still says *My love can give no place, but no deny*. Orsino also claims that women do not have as much capacity to retain love in their hearts as he does and their love is merely physical and they will soon tire of it. Viola then conveys her disagreement by telling Orsino that women are as true as men in their love, cites example of her 'father's daughter' who loved, pined, and died because she did not tell her love. Moreover, Viola also claims that men say more, swear more, but love less than women. The comparison and contrasting idea about love between Orsino and Viola can also be seen in lines 2 – 7 and 21 – 24 in which Orsino expresses his love for Olivia openly to Viola, but Viola has to resort to hints which Orsino does not get because there is a poignancy in these hints. Yet, she is asked (again) by Orsino to woo Olivia on his behalf.

For the second part of the question, candidates are expected to discuss what is ironic in the passage by supporting their answers with close reference to the same excerpt. The main irony in this passage is that Viola loves Orsino, but she is unable to say so because of her disguise and status. Candidates may include in their answers, parts of the passage that are particularly ironic when Viola hints at her love for Orsino:

- (i) *Say that some lady, as perhaps there is,/Hath for your love as great a pang of heart as you have for Olivia.* (lines 13 – 15) – she is referring to herself; the audience knows, but Orsino has no idea.
- (ii) *Ay, but I know –...Too well what love women to men may owe.* (lines 28 – 30) – because she is a woman and in love.
- (iii) *My father had a daughter loved a man,/As it might be, perhaps, were I a woman,/ I should your lordship. I am all the daughters of my father's house,/And all the brothers too;* (lines 46 – 47)

In general, most of the candidates attempted to utilise the passage in their answers, but not many were able to produce answers that fulfill the requirement of the question. Those that had a superficial understanding of the play resorted to padding by using quotes from other acts and/or scenes, and making references to the main themes (e.g. appearances) of the play, which unfortunately is not related to the excerpt. In spite of that, a large number of candidates were unable to provide adequate answers because they did not understand the literary term 'irony' which affected their level of understanding of the excerpt as they were not able to grasp the lexical nuances and syntactical complexities found in the excerpt.

Question 2

This question consists of two parts. Candidates are required to (a) highlight the different/contrasting meaning of eggs to Ruth and Walter; and be able to (b) link the symbolism of eggs to the idea/theme of 'a dream deferred'.

For the first part of the question, candidates are expected to describe Ruth's roles as a nurturer and carer and as an indication on her view of herself as practical and grounded. She sees Walter's dreams as impracticable and just wants him to do his job. Walter on the other hand, sees the focus on food as too prosaic. He thinks Ruth's vision is too small and narrow. He feels trapped and stifled – his grand dreams are turned nothing by this constant focus on food and work.

For the second part of the question, candidates should elaborate on how the conversation about eggs between Ruth and Walter can be related with the idea of 'a dream deferred'. It is another way of saying that the dreams of the two characters in the excerpt have been deferred. From the beginning of the conversation, Walter has been telling Ruth about his dream and she tells him to eat his eggs. Walter wants to talk and dream of a better life, Ruth on the other hand wants him to face reality and deal with his present world. This makes him frustrated, makes him feel like Ruth does not support him as Walter blames coloured women for constantly pushing the dream away, *That is just what is wrong with the colored women in this world...Don't understand about building their men up and making 'em feel like they somebody. Like they can do something.* Like the raisin that will eventually explode, Walter also explodes.

Generally, good answers came from those who did a good close reading of the excerpt, highlighting the differing views held by Ruth and Walter, and were able to provide relevant details from the excerpt to support their answers. Nevertheless, a large number of candidates were not able to go from surface/literal to implied level of meaning in which they were not able to fully apply a close reading of the extract to answer the question; with most of the candidates resorting to a theme based general reading of the play rather than a close reading of issues found in the excerpt.

SECTION B: SHAKESPEARE: *Twelfth Night*

Question 3

This question required candidates to identify and discuss Feste's contribution to the meaning and atmosphere of *Twelfth Night*.

Candidates could discuss Feste's contribution to the meaning and atmosphere of the play through his wit and humour, speeches, and his singing and playing of the pipe and tabor. Feste plays the traditional role of Shakespearean court jester in that he uses his wit and humour to indirectly show his employer where the latter's folly lies. In this play, Feste is employed not by a king, but by a noblewoman, Countess Olivia, and he tells her in his way how foolish she is to excessively mourn the death of her brother. In this respect, he contributes to the criticism of life-denying mourning, which is one of the themes of the play. He is also critical of Orsino's indulgence in unrequited love, another kind of folly in the play:

- (i) after singing a sad love song at Orsino's request, he tells him *Now the melancholy god protect thee...*
- (ii) in his dialogue with Viola, in answering to Viola's observation *I saw thee late at the Count Orsino's*, he says *Foolery, sir, does walk about the orb like the sun*, thus implying that Orsino is foolish.

Candidates could also elaborate further on Feste's speeches as the speeches contribute to the wittiness and funniness atmospheres of the play. Candidates could also discuss on Feste's contribution to the music of the play in his singing and playing of the pipe and tabor whereby his music contrasts with the drunken singing of Sir Toby & company, his songs are moving and provide a festive atmosphere to the play and at the same time, there is melancholy in the words, for example in the last line of *O Mistress Mine* says *Youth's a stuff will not endure* reminding us of the transience of youth and the refrain in the concluding song speaks of *wind* and daily *rain* which suggest unending troubles in life. Despite Feste's positive contributions

to the play, he is also guilty of excess (one of the themes of the play) when he joins Sir Toby, Maria, and Fabian in tormenting Malvolio while the latter is in the dark room and after his release, though he helps in Malvolio's release.

On the whole, candidates' responses showed that they were able to identify Feste's roles as the fool or clown and as the main contributor of music in the play. However, they were less successful in giving examples of Feste's wittiness and his contribution to 'excess'. The weaker candidates on the other hand, resorted to padding their answers only by retelling incidents or including a general discussion of the themes in the play.

SECTION C: LORRAINE HANSBERRY: *A Raisin in the Sun*

Question 4

This question required candidates to discuss Hansberry's opinion(s) regarding black assimilation into white-American society as seen in *A Raisin in the Sun*.

Candidates are expected to discuss the playwright's opinion(s) in regards to the Younger's move and the characters of George, Mrs. Johnson, Asagai, and Beneatha. The Youngers want to move to a predominantly white neighbourhood because they need space and privacy. The fact that this is not available in a black neighbourhood shows that they have no access to things the white community takes for granted. They want to move not in order to assimilate, but simply in order to have a better life. Assimilation is visible in the character of George, through his dressing and attitudes. He is shown to be pretentious and unpleasant – so he is a very poor role model. Especially since Mr. Lindner's attitude shows that blacks will not be welcomed, no matter how assimilated they are. Mrs. Johnson instead, demonstrates the dangers of refusing to engage with white society, and refusing to acknowledge the good points about African-American culture. The alternative to assimilation is the recovery of African pride and culture as seen in Asagai and Beneatha.

In general, the quality of answers given depended on candidates' understanding of the term 'black assimilation' whereby good answers came from those who understood the term 'black assimilation' and were able to give Beneatha, Asagai, and George as examples of 'good' and 'bad' assimilators. However, very few candidates were able to include Mrs. Johnson as part of their answers. The weaker candidates on the other hand, resorted to a rehashing of the American Dream/dream deferred motif or provided a potted history of racial injustice faced by the African Americans.

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 5,256 calon telah menduduki peperiksaan Penggal 2 bagi mata pelajaran ini. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 39.82%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.63	2.32	3.37	7.72	8.31	7.57	7.90	12.54	8.79	12.54	26.31

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kelemahan jawapan calon terletak pada pemahaman terhadap konsep pembangunan insan, pembangunan masyarakat, dan pembangunan negara yang tidak jelas. Seterusnya, fakta yang dikemukakan tidak tepat atau bercampur aduk dengan huraian. Selain itu, kebanyakan jawapan calon tidak konsisten, terutamanya dalam pendahuluan, isi, dan penutup. Soalan Bahagian A berkaitan dengan pembangunan insan yang menjurus kepada konteks watak sebagai individu. Sebahagian calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik, terutamanya bagi soalan 1 manakala sebahagian lagi mengemukakan jawapan yang agak umum dan tidak menepati soalan, terutamanya bagi soalan 2. Soalan Bahagian B pula berkaitan dengan pembangunan masyarakat yang menjurus kepada konteks watak sebagai anggota masyarakat. Rata-rata calon tidak dapat memahami kehendak soalan dengan baik. Bagi soalan 3, didapati calon banyak memberikan jawapan tentang mobiliti sosial kerana mereka tidak jelas dengan aspek perubahan cara hidup. Calon juga tidak menjelaskan perubahan cara hidup dalam konteks pembangunan masyarakat. Bagi soalan 4 pula, kebanyakan calon tidak faham maksud masyarakat majmuk menyebabkan mereka tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat. Soalan Bahagian C pula berkaitan dengan pembangunan negara yang berfokus kepada konteks watak sebagai warganegara. Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan 5 dengan baik. Namun demikian, bagi soalan 6, kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik kerana mereka tidak memahami kosa kata “saranan”. Hal ini menyebabkan mereka lebih banyak menyebut apa yang sudah ada dalam teks.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Pembangunan Insan

Soalan 1

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa nilai kemanusiaan merupakan suatu aspek penting untuk pembangunan insan. Calon dikehendaki membincangkan pernyataan tersebut berdasarkan watak Tun Perak dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini memerlukan kefahaman calon tentang konsep nilai

kemanusiaan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan huraian yang agak tepat. Namun begitu, ada jawapan calon yang tidak menepati kehendak soalan. Ini kerana dalam huraian terhadap isi, calon tidak menjelaskan bagaimana nilai kemanusiaan yang terdapat pada watak Tun Perak itu boleh membangunkan insan. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah bertanggungjawab, setia, sanggup berkorban, amanah, bijaksana, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 2

Soalan ini terbahagi kepada dua pecahan berdasarkan petikan daripada *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan perlakuan buruk yang digambarkan dalam petikan tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa mereka benar-benar menguasai petikan yang diberikan. Calon boleh mengemukakan perlakuan buruk, seperti buruk sangka, bersengketa, tidak jujur, rasuah, dan ingkar arahan sebagai jawapan mereka.

Soalan (b) menghendaki calon mengemukakan cara menangani masalah perlakuan buruk dalam soalan (a) untuk melahirkan insan yang baik. Soalan ini memerlukan pemikiran kritis calon tentang kaitan antara sesuatu permasalahan dengan penyelesaiannya. Kebanyakan jawapan calon agak umum, tidak menepati kehendak soalan, dan tidak berfokus kepada permasalahan. Hal ini menggambarkan mereka seolah-olah tidak mampu untuk mengemukakan idea penyelesaian bagi mengatasi masalah perlakuan buruk dalam soalan (a). Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti berbaik sangka, semangat bertolak ansur, kesedaran dalaman, penguatkuasaan undang-undang, dan sebagainya.

BAHAGIAN B: Pembangunan Masyarakat

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* ada memaparkan perubahan cara hidup. Calon dikehendaki membincangkan pernyataan tersebut dalam konteks pembangunan masyarakat. Soalan ini memerlukan kefahaman calon tentang konsep perubahan cara hidup. Kebanyakan calon gagal menjawabnya dengan tepat kerana mereka tidak memahami konsep perubahan cara hidup. Hal ini menyebabkan segelintir jawapan calon terpesong apabila menjuruskan jawapan mereka kepada konsep mobiliti sosial. Segelintir calon juga didapati tidak mengemukakan huraian jawapan berbentuk perbincangan dan tidak dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah perubahan pekerjaan, pendidikan, perkahwinan, keagamaan, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* ada menggambarkan perpaduan masyarakat majmuk. Calon dikehendaki membincangkan pernyataan tersebut dalam konteks pembangunan masyarakat kini. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perpaduan masyarakat majmuk. Kebanyakan mutu jawapan calon adalah agak sederhana kerana calon kurang berupaya membincangkan aspek perpaduan masyarakat majmuk dalam konteks pembangunan masyarakat kini. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak memahami konsep masyarakat

majmuk menyebabkan jawapan calon menyimpang dari tugas soal. Jawapan calon juga tidak dikaitkan dengan konteks pembangunan masyarakat masa kini. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya, termasuklah sepakat, kerjasama, persefahaman, saling mempercayai, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN C: Pembangunan Negara

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa kepemimpinan penting dalam pembangunan negara kota Melaka. Calon dikehendaki membincangkan pernyataan tersebut berdasarkan *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kepemimpinan. Kebanyakan jawapan calon adalah baik. Namun begitu, ada sebahagian calon menghuraikan watak dan perwatakan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Segelintir calon juga mengemukakan huraian yang umum terhadap isi jawapan. Seterusnya, ada calon yang tidak dapat mengaitkan jawapan mereka dengan kepentingan kepemimpinan dalam konteks pembangunan negara kota Melaka. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah beriman, adil, berilmu, berwawasan, berkebolehan, berkarisma, dan sebagainya. Akhir sekali, calon perlu mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* yang menghendaki calon membincangkan saranan untuk memajukan ekonomi yang memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang aktiviti ekonomi yang tergambar dalam teks *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* sebelum membincangkan saranan untuk memajukan ekonomi. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana tidak memahami maksud kosa kata saranan. Kebanyakan calon juga mengemukakan jawapan tentang usaha atau kegiatan yang boleh membangunkan ekonomi seperti yang telah ada dalam teks. Ini menyebabkan calon yang memberikan jawapan sebegitu mendapat markah yang kurang baik atau tidak ada markah. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Antara jawapan yang dikehendaki, termasuklah memperluas kerjasama pelbagai kaum dalam bidang ekonomi, memperluas pasaran ke luar negara, mempelbagaikan jenis perniagaan, melibatkan lebih banyak jaringan keluarga terlibat dalam perniagaan, meneroka bidang ekonomi baharu yang berpotensi, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1,934 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 65.99%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.26	8.48	8.38	11.43	9.41	9.46	9.57	9.20	6.72	7.08	11.01

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan calon, seperti tidak memahami kehendak soalan dengan baik, tidak menjawab soalan berdasarkan hukum yang ditetapkan oleh para ulama, tidak mempunyai perancangan untuk menjawab soalan, memberikan jawapan yang menyimpang, dan memberikan fakta yang salah.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *qiyas al-jali*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Qiyas dinyatakan illatnya secara tegas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua pandangan fuqaha tentang kehujahan qiyas sebagai dalil hukum syarak. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Para Juhur Ulama berpendapat bahawa qiyas merupakan hujah dan dalil hukum syarak. Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum pertukaran wang dengan wang berdasarkan prinsip qiyas. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah kaedah qiyas digunakan dalam menentukan hukum pertukaran wang dengan wang kerana tiada penentuan hukumnya dalam nas al-Quran dan al-Sunnah. Hukumnya adalah harus berdasarkan nas yang mengharuskan pertukaran emas dengan emas. Ini disebabkan kedua-duanya mempunyai illat yang sama.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian *masalah* dan *masalah mursalah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Masalah ialah membuat sesuatu perkara untuk kepentingan orang ramai, manakala masalah mursalah pula ialah menentukan hukum untuk kepentingan masyarakat

dan tidak ada dalil yang menerima atau menolaknya. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** bahagian masalah berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) menghendaki calon membincangkan pandangan fuqaha terhadap kehujahan *masalah mursalah* sebagai sumber hukum. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah ulama bersepakat mengatakan bahawa *masalah mursalah* tidak boleh dijadikan hujah dalam perkara ibadat dan mereka berselisih pendapat dalam perkara muamalat.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon memberikan pengertian *istishab*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat bahagian *istishab*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah hukum asal bagi sesuatu perkara itu adalah harus, sesuatu perkara itu bebas daripada tanggung jawab, mensabitkan sesuatu hukum syarak berdasarkan sesuatu sifat itu berkekalan sehingga ada dalil yang menunjukkan sebaliknya, dan berkekalan sesuatu hukum yang ditentukan melalui ijmak pada persoalan yang dipertikaikan. Soalan (c) menghendaki calon membincangkan kedudukan pewarisan harta orang yang hilang tanpa sebarang berita. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki adalah berdasarkan hukum asal seseorang itu dianggap hidup sehingga dibuktikan dia telah meninggal dunia. Berdasarkan kaedah ini, orang yang hilang itu dianggap masih hidup kerana tiada bukti yang menunjukkan dia telah meninggal dunia. Oleh itu, orang yang hilang berhak mendapat harta pusaka pewarisnya yang meninggal dunia dan hartanya hendaklah disimpan sehingga ternyata bukti yang menunjukkan dia telah meninggal dunia.

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud kaedah *al-umur bimaqasidiha*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **empat** syarat niat dalam sesuatu ibadat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Syarat niat itu ialah Islam, mumayyiz, berakal, mengetahui apa yang diniatkan, dan tidak melakukan perkara yang boleh menafikan niat. Soalan (c) menghendaki calon menentukan hukum dan kaedah terbitannya bagi kes-kes yang dikemukakan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah, kes (i) “A telah menghimpunkan puasa Ramadan dengan puasa sunat syawal, tetapi dia berniat puasa sunat syawal sahaja”. Jawapannya tidak tertunai puasa qadanya atau puasa sunat tersebut sahaja yang sah. Kes (ii) “Seorang tuan telah memanggil hambanya yang bernama Hurrah dengan niat membebaskan hambanya”. Hamba tersebut bebas dari tuannya. Kes (iii) “B telah mendermakan buah pinggangnya kepada seorang pesakit dengan bayaran tertentu”. Perbuatan tersebut dinamakan jual beli dan bukannya menderma. Kes (iv) “seseorang dalam keadaan berjunub melafazkan ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran dengan niat berzikir”. Hukumnya adalah harus.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian *al-yaqin la yuzal bissyakki*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **empat** kaedah terbitan bagi kaedah *al-yaqin la yuzal bissyakki*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan

(c) menghendaki calon menentukan hukum dan kaedah terbitannya bagi kes-kes yang dikemukakan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah, kes (i) “seorang bapa mendakwa C telah mencederakan anaknya D, manakala C menafikannya dan enggan bersedekah” dakwaan C diterima dan disangkal dakwaan D. Kes (ii) “E makan pada petang hari ketika berpuasa, kemudian dia syak sama ada matahari sudah terbenam atau belum”. Hukumnya batal puasa E kerana matahari belum terbenam. Kes (iii) “F telah beberapa hari telah menggunakan motosikal G. F mengatakan bahawa G telah memberi pinjam motosikal itu kepadanya. G pula menafikan kata-kata F”. Dakwaan G diterima manakala dakwaan F tidak diterima. Kes (iv) “H telah memakan harta J. H mengatakan J telah mengizinkannya tetapi dinafikan oleh J” . Kata-kata J diterima kerana asal harta yang dimiliki oleh orang lain adalah haram.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian adat sah dan adat fasid beserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Adat sah ialah perkara yang sudah menjadi kebiasaan orang ramai melakukannya tanpa mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram, manakala adat fasid pula ialah perkara yang sudah menjadi kebiasaan orang ramai melakukannya tanpa menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan maksud kaedah *al-ma'ruf urfan kal masyrut syartan*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) menghendaki calon membincangkan kaedah *la yunkar taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman* dari sudut pembinaan hukum syarak. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah sekiranya dikekalkan hukum itu di atas sifat yang dahulu juga, ia akan menimbulkan masyaqqah dan kemudaratan kepada manusia. Begitu juga akan menyalahi kaedah-kaedah syariat yang diasaskan atas dasar meringankan, memudah, menolak kemudaratan, dan menolak kerosakan. Oleh itu, bagi tujuan mengekalkan sistem hidup atas hukum-hukum yang terbaik, pengiktirafan syarak terhadap perubahan uruf menunjukkan satu keanjalan syariat Islam.



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal 2 ini, sebanyak 977 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.27% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.50	7.16	7.47	12.08	12.18	8.19	12.69	8.09	6.76	6.55	10.33

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ulum al-Quran

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan tiga sebab al-Quran tidak dikumpulkan dalam satu mashaf pada zaman Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah kekurangan alat tulis, proses *nasikh* dan *mansukh* masih berlaku, al-Quran diturunkan secara beransur-ansur, dan jarak masa penurunan ayat terakhir dengan masa kewafatan Nabi Muhammad SAW adalah singkat.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat keistimewaan *Mashaf* Abu Bakar. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang memberikan keistimewaan *Mashaf Rasm Uthmani* sebagai jawapan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *mashaf* ini dikumpulkan oleh seorang sahabat yang sangat teliti, iaitu Zaid bin Thabit, semua ayat yang terkandung di dalamnya merupakan ayat yang tetap tanpa ada *nasikh* dan *mansukh*, ia merupakan satu-satunya *mashaf* yang *tauqifi* dan *mutawatir*, dan ia disimpan dengan rapi demi menjaga autoriti *mashaf* tersebut.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan sebab Khalifah Abu Bakar keberatan untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu *mashaf*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memberikan jawapan sebab Khalifah Abu Bakar keberatan untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf ialah kesibukan memerangi golongan murtad, kesibukan dalam urusan pemerintahan, dan beliau sibuk dalam membanteras penyelewengan al-Quran dan al-Hadis. Jawapan ini adalah salah. Jawapan

yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah perkara tersebut tidak pernah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW sepanjang hayatnya, sikap beliau yang sangat berhati-hati dalam menentukan sesuatu perkara, dan beliau bimbang umat Islam akan meringan-ringankan menghafaz al-Quran sekiranya al-Quran dikumpulkan dalam satu *mashaf*.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan pengertian *mutlaq* dan *muqayyad*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Mutlaq* ialah lafaz yang menunjukkan sesuatu hakikat yang berbentuk umum tanpa dibataskan dengan sesuatu hukum yang lain. *Muqayyad* pula bermaksud sesuatu lafaz yang menunjukkan sesuatu hakikat yang berbentuk khusus kerana telah dibataskan dengan hukum yang lain.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan dalil al-Quran dan mengaitkan hubungan antara *mutlaq* dan *muqayyad* dengan *nasikh* dan *mansukh*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat memberikan dalil dengan tepat dan mereka tidak dapat membuat perkaitan hubungan antara kedua-duanya.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama tentang hukum *nasakh* al-Quran dengan al-Sunnah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya membincangkan pembahagian *nasakh* dan memberikan contoh *nasakh* tanpa memberikan hukum *nasakh* seperti yang diminta. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah jumbuh ulama berpendapat bahawa al-Quran tidak boleh *dinasakhkan* oleh hadis *ahad* kerana al-Quran adalah bersifat *mutawatir* sedangkan hadis *ahad* hanyalah bersifat *zanni* sahaja. Namun demikian, Ulama berselisih pendapat antara hukum *nasakh* al-Quran dengan hadis *mutawatir*.

Soalan 3

Soalan 3 (a) menghendaki calon menerangkan sejarah penyusunan kisah *Israiliyyat* dalam tafsir al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak memahami konsep *Israiliyyat* dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah penciptaan kisah palsu tentang para nabi untuk memesongkan akidah umat Islam, penciptaan kisah palsu para nabi untuk merendahkan martabat seorang nabi dan mereka berniat untuk mengelirukan umat Islam tentang fakta sebenar, dan sebagainya. Jawapan yang patut diberikan oleh calon ialah penyusunan kisah *Israiliyyat* berlaku selepas golongan ahli kitab memeluk Islam. Apabila mereka mendengar bacaan ayat al-Quran yang menyentuh kisah tertentu, mereka akan menghuraikannya mengikut cerita yang pernah mereka dengar. Antara tokoh yang terkenal dalam meriwayatkan kisah *Israiliyyat* ialah Abdullah bin Salam, Kaab bin al-Ahbar, dan Wahab bin Munabbih.

Soalan 3 (b) menghendaki calon menjelaskan klasifikasi tafsiran *Israiliyyat* dalam al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat segelintir calon yang hanya memberikan contoh kisah *Israiliyyat* tanpa mengkategorikannya. Tafsiran *Israiliyyat* terbahagi kepada tiga kategori, iaitu kisah *Israiliyyat* boleh diterima sekiranya tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-hadis, kisah *Israiliyyat* tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan al-Quran dan al-hadis, dan kisah *Israiliyyat* yang didiamkan kerana tidak dapat dipastikan kebenarannya.

Soalan 3(c) menghendaki calon menghuraikan lima kesan negatif kisah *Israiliyyat* terhadap umat Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah gambaran bahawa Islam ialah agama yang khurafat dan penuh pembohongan, merendah-rendahkan martabat seorang nabi, merosakkan akidah umat Islam, dan mengelirukan umat Islam berkaitan dengan fakta sebenar.

BAHAGIAN B: Ulum al-Hadis

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon memberikan tiga bukti yang menunjukkan bahawa hadis telah dicatat pada zaman Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah surat dari Rasulullah SAW yang diutus kepada pemerintah di luar Tanah Arab, perjanjian seperti Perjanjian Madinah atau *Hudaibiyah*, surat kerajaan berkaitan dengan urusan negara, dan catatan tafsiran al-Quran oleh Rasulullah SAW yang ditulis oleh sahabat.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan empat sebab hadis tidak didokumentasikan secara rasmi pada zaman sahabat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah sahabat lebih menumpukan penulisan dan pengumpulan al-Quran, sahabat tidak membenarkan periwayatan hadis kecuali dari sumber yang benar, belum ada keperluan untuk mendokumentasikan hadis, tiada masalah pemalsuan hadis, kebanyakan sahabat Nabi Muhammad SAW masih hidup dan dijadikan sumber rujukan, dan belum timbul masalah baru yang memerlukan kepada rujukan hadis.

Soalan 4 (c) menghendaki calon menghuraikan kepentingan pendokumentasian hadis pada generasi Islam kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah mengelakkan pemalsuan hadis, mengelakkan umat Islam beramal dengan hadis yang palsu, menjadi bahan rujukan sekiranya perkara tersebut tiada di dalam al-Quran, dan mengelakkan pergaduhan sesama umat Islam berkaitan dengan status hadis berlaku.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon memberikan empat sebab berlakunya *musykil* al-hadis. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan keempat-empat sebab dengan tepat. Majoriti calon hanya dapat memberikan dua sebab sahaja. Antara sebab berlakunya *musykil* al-hadis ialah berlakunya pertentangan antara hadis secara zahir, percanggahan secara zahir yang berlaku antara hadis dengan al-Quran, pertentangan antara amalan nabi dengan para sahabat, ikhtilaf yang berlaku dalam kalangan *fuqaha* dalam memahami sesebuah hadis, dan keraguan dalam *mentasybih* sifat Allah SWT.

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan empat faedah mengkaji ilmu *musykil* al-Hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon antaranya adalah menzahirkan kehebatan ulama dalam kajian mereka terhadap sesebuah hadis, dapat memelihara hadis daripada terseleweng, dapat membezakan hadis yang sahih dengan hadis yang *dhaif*, dapat mengetahui jenis *sanad* hadis, dan menghilangkan kekeliruan dan salah faham terhadap hadis.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan cara untuk beramal dengan hadis yang *mukhtalaf*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat empat cara untuk beramal dengan hadis yang *mukhtalaf*, iaitu kaedah *jam'u*, *nasakh*, *tarjih*, dan *tawaquf*. Calon juga mampu memberikan huraian bagi setiap kaedah tersebut.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan dua contoh hadis *mawdu'* yang tersebar dalam masyarakat Melayu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 6(b) menghendaki calon menerangkan empat faktor kemunculan hadis *mawdu'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor kemunculan hadis *mawdu'* ialah gerakan daripada musuh Islam, sikap fanatik terhadap mazhab dan kabilah, kejahilan, sikap peniaga yang ingin melariskan jualan, dan sikap golongan pengampu pemerintah yang ingin mendapatkan pangkat dengan cara yang mudah.

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan kesan negatif penyebaran hadis *mawdu'* kepada syariat Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memberikan jawapan kesan negatif penyebaran hadis *mawdu'* kepada masyarakat Islam, sedangkan soalan meminta mereka memberikan kesan negatif terhadap syariat Islam. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah berlakunya penyebaran amalan *bid'ah* secara berleluasa, perkara yang haram akan dihalalkan, hilangnya kewibawaan dalil al-Quran dan hadis yang sahih, dan menjadikan amalan yang dilakukan oleh umat Islam tidak diterima oleh Allah SWT.



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini ialah 21,483 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 60.27%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.86	4.43	6.59	8.68	9.97	14.73	11.01	3.72	3.24	3.37	29.40

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- Calon tidak memahami maksud dan konsep yang dikemukakan dalam soalan, iaitu konsep jahiliah, pembaharuan politik, dan perluasan kuasa.
- Calon terkeliru antara Khalifah Umar Abdul Aziz dengan Sayidina Umar al-Khattab.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh manakah masyarakat Arab jahiliah dianggap sebagai masyarakat yang tidak bertamadun. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Jawapan yang dikehendaki ialah jawapan yang memberikan hujahan bahawa masyarakat Arab jahiliah sebagai masyarakat yang memiliki kemajuan dan ketamadunan walaupun jahil dalam aspek aqidah. Calon perlu menghuraikan aktiviti dan jaringan perdagangan antarabangsa, budaya memuliakan tetamu, dan masyarakat Arab jahiliah aktif berkarya dalam bidang kesusasteraan. Calon juga perlu menjelaskan beberapa keadaan yang menunjukkan kejahilan masyarakat Arab pada masa itu terutama dalam aspek akidah. Calon juga boleh berhujah bahawa masyarakat Arab jahiliah sebenarnya memiliki ketamadunan yang tinggi kerana mengamalkan kehidupan masyarakat bertamadun seperti menjalankan perdagangan antarabangsa, menghormati tetamu, dan berkemahiran dalam bidang kesusasteraan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pembaharuan politik dan ekonomi yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar al-Khattab r.a semasa pemerintahannya. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan kerana mereka hanya menjelaskan pembaharuan politik dan ekonomi Khalifah Umar sebagai usaha kesinambungan usaha Khalifah Abu Bakar sebagai khalifah sebelumnya. Calon sepatutnya membincangkan pembaharuan politik dan ekonomi oleh Khalifah Umar al-Khattab, seperti memperbaharui sistem pentadbiran tanah, memperkenalkan sistem bayaran gaji tentera yang lebih sistematik, dan mewujudkan konsep pengasingan kuasa antara badan eksekutif dengan kehakiman.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumber baitulmal pada zaman Khulafa al-Rasyidin. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah lemah. Ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka dapat membincangkan tiga aspek pengurusan baitulmal, iaitu sumber baitulmal yang terdiri daripada *zakat*, *usyur*, *ghanimah*, *fay*, *kharaj*, dan harta awam. Selain itu, calon juga perlu membincangkan aspek pengurusan sumber baitulmal, iaitu peranan pegawai zakat, dan juga sistem perakaunan yang diamalkan semasa itu. Di samping itu, calon juga perlu menyentuh aspek pengagihan sumber, seperti pengagihan sumber baitulmal kepada asnaf zakat, dan juga pembiayaan baitulmal kepada pembangunan infrastruktur. Namun begitu, ada calon yang hanya membincangkan satu sumber zakat sahaja seperti *ghanimah* atau *kharaj*.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan perkembangan institusi pendidikan pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Mahkota Alam. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Calon perlu menjelaskan perkembangan institusi pendidikan di Aceh semasa pemerintahan Sultan Iskandar Mahkota Alam, iaitu *rangkang*, *dayah*, dan penubuhan Baiturahman. Penjelasan tentang perkembangan institusi tersebut perlu menyentuh aspek keguruan, pelajar, dan sukatan pelajaran. Walau bagaimanapun, ada calon memberikan jawapan yang umum. Terdapat juga calon menjelaskan insituti pendidikan tidak formal secara mendalam tanpa menjelaskan institusi pendidikan formal.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor peluasan kuasa Barat terhadap pemerintahan kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-18 Masihi hingga abad ke-20 Masihi. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Terdapat calon yang membincangkan faktor tersebut secara umum, seperti hanya menyatakan peranan terusan tersebut sebagai laluan kapal antara Eropah dengan Asia menjadi lebih dekat. Calon sepatutnya membincangkan faktor tersebut dengan menjelaskan pembukaan terusan Suez menyebabkan kuasa-kuasa Barat berminat untuk bersaing melebarkan pengaruh di kawasan serantau. Selain itu, faktor seperti kesan revolusi perindustrian di Barat, faktor agama, menularnya falsafah dan pemikiran Barat menjadi faktor kepada peluasan kuasa Barat.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menggalurkan penglibatan khalifah Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah lemah. Terdapat calon yang gagal menggalurkan penglibatan tersebut dengan baik kerana kurang pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang relevan dengan penglibatan khalifah dalam Perang Dunia Kedua. Calon sepatutnya menghuraikan penglibatan kerajaan Rusia dalam konflik politik di Balkan, pakatan Turki dengan Jerman dalam Perang Dunia Pertama menentang pakatan Britain dengan Perancis, dan perisytiharaan perang oleh Britain terhadap Turki pada 5 November 1914.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11,265. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 49.52%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	D-
Peratusan	4.76	4.50	5.39	8.94	7.59	9.13	9.21	9.29	10.96	7.77	22.46

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Calon dapat menjawab soalan dengan baik bagi soalan esei, terutamanya soalan kemahiran amali, dan sebaliknya agak lemah dalam menjawab soalan struktur.

Antara kelemahan dalam jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak memahami kehendak soalan.
- Calon tidak menjawab kesemua soalan struktur.
- Calon tidak dapat mengolah fakta dengan baik.
- Calon memberikan jawapan yang ringkas tanpa huraian dan contoh.
- Calon tidak merancang jawapan dengan baik. Fakta yang dikemukakan berulang-ulang.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Alam Sekitar Fizikal yang terdiri daripada 1 soalan struktur dan 2 soalan esei

Soalan 1 (Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti **tiga** proses perubahan fasa air. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, kecuali sebilangan kecil calon keliru dengan konsep kitaran hidrologi. Antara proses perubahan fasa air ialah pencairan, pembekuan, pemejalwapan, pemeluwapan atau kondensasi, dan peleburan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **dua** kepentingan sumber air terhadap aktiviti perindustrian. Kebanyakan calon hanya dapat menjelaskan sumber air sebagai bahan mentah, bahan pencuci, dan bahan penyejuk. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang kurang tepat kerana keliru dengan perkataan aktiviti perindustrian. Antara jawapan yang sepatutnya adalah sebagai bahan mentah dalam industri minuman, bahan penyejuk dalam industri peleburan, bahan pelarut dalam industri kertas, bahan pencuci dalam industri hasil getah, industri batik, industri kulit, bahan penyejuk untuk mesin dan jentera, dan juga sebagai bahan pencuci dalam industri makanan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **dua** faktor semula jadi yang mengganggu sumber bekalan air. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik disebabkan mereka tidak memahami maksud faktor semula jadi. Antara faktor semula jadi yang sepatutnya ialah banjir, pencemaran semula jadi, bencana alam, dan kemarau.

Soalan (d) menghendaki calon menjelaskan **dua** langkah penyesuaian untuk mengatasi masalah kekurangan air. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara langkah penyesuaian yang sepatutnya adalah membina empangan baharu, mengamalkan langkah penjimatan, menggunakan sumber alternatif, menggunakan teknologi yang sesuai, menjalankan penyelidikan dan pembangunan (*R & D*), melaksanakan catuan air, dan membuat pembenihan awan.

Soalan 2 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon membincangkan bagaimana aktiviti manusia mempengaruhi fenomena pulau haba bandar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat calon yang tidak memahami konsep pulau haba bandar lalu menyebabkan huraian yang diberikan menjadi tidak tepat. Antara aktiviti manusia yang mempengaruhi fenomena pulau haba bandar adalah dalam sektor pengangkutan, perkhidmatan, pembinaan, pemandaran, perkilangan, dan penebangan pokok. Dalam setiap aktiviti yang diberikan, calon perlu membincangkan proses dalam aktiviti manusia tersebut dan apakah kesannya dalam mempengaruhi fenomena pulau haba bandar. Contohnya dalam sektor pengangkutan, penggunaan kenderaan yang banyak akan membebaskan gas rumah hijau dalam jumlah yang besar, dan kesannya akan mengakibatkan suhu bandar meningkat.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan kesan pulau haba bandar terhadap alam sekitar fizikal. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan ialah suhu persekitaran kawasan bandar meningkat berbanding dengan kawasan sekitarnya, proses sejatan meningkat lalu menyebabkan hujan kerap berlaku, kelembapan bandingan kawasan bandar rendah lalu menyebabkan jerebu berlaku, wujudnya tekanan udara rendah, udara kering menyebabkan peningkatan partikel dalam udara, ceteknya lapisan pencampuran (lapisan pencampuran udara lembab dengan udara panas di lapisan berhampiran bumi kurang berlaku) menyebabkan suhu kekal panas, bahangan meningkat menyebabkan flora layu, dan sejatan tinggi menyebabkan sumber air bandar terganggu.

Soalan 3 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan proses menegak dalam kitaran hidrologi. Kebanyakan calon hanya dapat memberikan fakta dengan betul tetapi tidak dapat menghuraikan proses dengan baik menyebabkan mereka tidak dapat markah untuk huraian. Antara proses menegak dalam kitaran hidrologi ialah sejatan, iaitu proses pertukaran sifat air daripada cecair kepada wap, proses sejatpeluhan, iaitu kehilangan air daripada tumbuhan melalui liang stoma dan membentuk wap air, proses kerpasan, iaitu suhu mencapai takat embun lalu membentuk bintik air dan apabila menjadi awan tepu akan turun sebagai cecair atau pepejal, proses pintasan atau cegatan silara atau aliran batang, iaitu air hujan yang mengalir ke dahan atau ranting dan batang pokok, proses resapan, iaitu resapan air permukaan secara menegak ke dalam tanah, proses pemejalwapan, iaitu dalam penukaran wap air kepada pepejal, haba diperlukan untuk menukarkan sesuatu bahan pepejal terus kepada wap tanpa melalui keadaan cecair pada suhu dan tekanan tertentu, dan proses pemeluwapan, iaitu proses pertukaran atau perubahan kepada sesuatu bahan daripada wap (gas) kepada cecair.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan proses kitaran hidrologi yang terjejas akibat aktiviti manusia. Kebanyakan calon cenderung untuk membincangkan aktiviti manusia tanpa mengaitkannya dengan proses kitaran hidrologi. Calon perlu membincangkan proses kitaran hidrologi yang terjejas, aktiviti manusia yang berkaitan, dan kesan aktiviti manusia ke atas proses kitaran hidrologi yang berkenaan. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah proses sejatan, akibat daripada pembinaan kolam, tali air dan sebagainya yang menyebabkan sejatan meningkat, proses perpeluhan, aktiviti pembalakan atau penyahutan menyebabkan perpeluhan berkurangan, proses aliran batang, aktiviti pembalakan menyebabkan aliran batang berkurangan, proses resapan, aktiviti penyimenan atau penurapan menyebabkan resapan berkurangan, proses larian air permukaan, aktiviti pembalakan menyebabkan kadar air larian permukaan meningkat, dan proses kerpasan, aktiviti pembalakan menyebabkan kerpasan berkurangan.

Soalan 4 (Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **tiga** ciri industri kecil dan sederhana (IKS). Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara ciri yang dikehendaki ialah taburan atau lokasi tidak berpusat, berskala kecil, orientasi pengeluaran untuk pasaran tempatan dan sebahagiannya untuk eksport, bermodal kecil, bilangan buruh yang diperlukan sedikit, separuh mahir dan dalam kalangan ahli keluarga, dan hanya memerlukan teknologi yang rendah atau sederhana.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** kepentingan IKS kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan yang dikehendaki adalah dapat menambahkan pendapatan negara, memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk, memajukan teknologi dan *R & D*, membangunkan kawasan, memperluas pasaran, dan memberikan kesan pengganda.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan **tiga** faktor yang mempengaruhi ketidakseimbangan taburan industri di Malaysia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak memahami kehendak soalan dengan baik. Mereka menghuraikan faktor yang menyebabkan kemunduran atau faktor yang menyekat pembangunan kegiatan industri di Malaysia. Antara faktor yang sepatutnya diuraikan oleh calon adalah berkaitan dengan sejarah, urbanisasi, kemajuan infrastruktur, taburan penduduk, kekayaan sumber alam, dasar kerajaan, dan faktor fizikal.

Soalan 5 (Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan ciri kegiatan industri automotif di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara ciri kegiatan itu adalah dari segi taburan atau kawasan khas industri, skala secara besar-besaran, orientasi pengeluaran, penggunaan modal yang besar, buruh mahir, dan teknologi tinggi.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan bagaimana sektor automotif membangunkan sosioekonomi Malaysia. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab soalan ini secara umum sahaja tanpa huraian dan contoh yang tepat. Antara jawapan yang sepatutnya ialah sektor automotif adalah sebagai pemangkin kepada ekonomi lain berkembang dan meningkat, meningkatkan pendapatan negara, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan *foreign direct investment* (FDI), memangkin pembangunan kawasan, menyokong dasar pembangunan, mewujudkan sektor sokongan automotif, dan membantu perkembangan infrastruktur asas.

Soalan 6 (Esei)

Soalan (a) berdasarkan jadual nilai perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN pada tahun 2006, bagi **soalan (i)** calon dikehendaki menghitung peratusan bagi import dan eksport Malaysia ke setiap negara ASEAN pada tahun 2006. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul.

Bagi **soalan (ii)** pula calon dikehendaki melukis carta pai untuk menunjukkan nilai eksport Malaysia ke negara ASEAN pada tahun 2006. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul.


Formula pengiraan sudut sektor:

$$\frac{\text{Jumlah eksport negara}}{\text{Jumlah keseluruhan eksport}} \times 360^\circ$$

Contoh pengiraan sudut sektor bagi negara Indonesia, adalah seperti berikut.

$$\frac{14915.6}{146084.2} \times 360^\circ = 36.76^\circ$$

Tajuk : Carta Pai menunjukkan nilai perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN pada tahun 2006



Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan faedah yang diperoleh Malaysia hasil penglibatannya dalam pakatan ASEAN. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faedah itu adalah dari aspek perkongsian sumber alam antara negara, membekalkan pasaran bersama, dapat berkongsi teknologi, membekalkan buruh atau kepakaran, meningkatkan daya saing serantau, dapat berkongsi modal, menjaga kepentingan alam sekitar, dalam pengkhususan pengeluaran, dari aspek kawalan keselamatan serantau, dapat harga barangan lebih murah atau kompetitif, dan dapat kepelbagaian barangan dalam pasaran.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 13,745 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 39.3%.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.74	3.67	2.93	5.10	6.15	5.18	8.53	7.86	8.71	8.99	35.14

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	D
2	D	12	A
3	A	13	B
4	B	14	D
5	C	15	D
6	C	16	C
7	C	17	B
8	B	18	C
9	A	19	D
10	A	20	B

BAHAGIAN B: Esei

Komen am

Daripada respons calon, soalan 21, 22, dan 26 ialah soalan aras mudah. Soalan 23, 24, 25, dan 29 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 27 dan 28 ialah soalan aras sukar. Keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah kurang memuaskan. Calon gagal menjawab soalan dengan baik. Sebahagian besar calon tidak memberikan jawapan dengan tepat. Calon tidak menguasai kaedah menjawab soalan dengan baik, terutamanya bagi soalan bahagian esei. Kebanyakan calon tidak membuat perancangan untuk menjawab

soalan pada bahagian ini. Ada calon yang mengulang fakta dan huraian yang hampir sama pada perenggan yang berbeza. Selain itu, terdapat calon yang menjawab soalan melebihi empat soalan pada bahagian B dan melebihi dua soalan pada bahagian C walaupun pada muka hadapan kertas soalan telah ditegaskan hanya empat soalan daripada bahagian B dan dua soalan daripada bahagian C yang akan diperiksa.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan lima alasan bagi sesebuah negara perlu mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Calon seharusnya mengemukakan alasan seperti yang berikut:

- (a) Meningkatkan taraf hidup penduduk
- (b) Menggalakkan pelaburan
- (c) Mengurangkan masalah kemiskinan
- (d) Meningkatkan guna tenaga atau mengurangkan pengangguran
- (e) Meningkatkan hasil kerajaan
- (f) Mencapai kestabilan sosiopolitik

Sebahagian besar calon tidak dapat memberikan lima fakta dengan lengkap. Selain itu, mereka tidak dapat menghuraikan fakta yang diberikan dengan tepat. Fakta yang diberikan juga adalah berbentuk umum dan berdasarkan pengetahuan semasa yang tidak berkaitan.

Fakta mencapai kestabilan sosiopolitik dan mengurangkan hutang negara tidak banyak diberikan.

Soalan 22

Calon dikehendaki mentakrif konsep Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Keluaran Negara Kasar (KNK), KDNK harga pasaran (KDNKhp), dan KDNK kos faktor (KDNKkf). Calon juga perlu menjelaskan hubungan antara KDNK dengan KNK dan hubungan antara KDNKhp dengan KDNKkf.

Calon seharusnya mentakrifkan KDNK sebagai nilai output yang dihasilkan oleh semua faktor pengeluaran dalam negara bagi tempoh setahun milik warga negara tersebut atau milik warga negara asing.

Keluaran Negara Kasar pula ialah nilai output yang dihasilkan oleh faktor pengeluaran milik warga negara tersebut dalam tempoh setahun.

Keluaran Dalam Negeri Kasar harga pasaran pula ialah nilai barang akhir dan perkhidmatan mengikut harga pasaran.


Keluaran Dalam Negeri Kasar kos faktor ialah harga barang akhir dan perkhidmatan berasaskan pembayaran kepada faktor pengeluaran.

Kebanyakan calon dapat memberikan takrif KDNK dan KNK dengan baik, tetapi sebahagian lagi calon tidak memberikan penekanan terhadap faktor pengeluaran dan tidak menyatakan pemilikan faktor pengeluaran oleh warga negara atau warga asing.

Ramai juga calon yang tidak memberikan takrifan KDNKhp dan KDNKkf dengan tepat. Calon hanya menulis jawapan dengan mengulang seperti yang terdapat dalam soalan, iaitu KDNKhp ialah keluaran dalam negeri kasar harga pasaran manakala KDNKkf pula keluaran dalam negeri kasar kos faktor. Ini menyebabkan calon kehilangan markah walaupun soalan ini adalah pada tahap asas sahaja.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon melukis gambar rajah permintaan agregat-penawaran agregat (AD-AS) dan menjelaskan kesan peningkatan harga minyak mentah dunia terhadap tingkat harga umum dan pendapatan negara.




Calon seharusnya menerangkan keseimbangan asal tercapai apabila keluk AS_0 bersilang dengan keluk AD di E_0 , harga P_0 , dan kuantiti di Y_0 . Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan kos pengeluaran firma akan meningkat. Firma akan mengurangkan pengeluaran. Maka keluk AS akan beralih ke kiri ke AS_1 .

Ada segelintir calon yang memberikan gambar rajah yang salah. Paksi juga tidak dilabelkan dengan betul. Terdapat juga calon yang menganggap paksi tegak mengukur “harga minyak”, walhal ia mengukur tingkat harga umum. Selain itu, calon mengalihkan keluk AS ke kanan dan ada juga yang mengalihkan keluk AD ke kiri dan ke kanan. Walhal, keluk yang beralih ke kiri ialah keluk AS sahaja.

Terdapat juga calon yang tidak mengaitkan peningkatan harga minyak dunia dengan kos pengeluaran firma, dan seterusnya firma akan mengurangkan pengeluaran. Calon hanya menyatakan keluk AS beralih ke kiri. Ini menyebabkan calon kehilangan markah yang banyak.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon melukis gambar rajah $M^D - M^S$ dan seterusnya menjelaskan kesan pertambahan perbelanjaan penggunaan isi rumah terhadap kadar bunga mengikut Teori Keutamaan Kecairan Keynes.




Calon seharusnya menerangkan keseimbangan asal dicapai apabila keluk $M^d(y_0)$ bersilang dengan keluk M^s di titik E_0 , dengan kadar bunga r_0 dan kuantiti wang M_0 . Apabila permintaan wang untuk urus niaga meningkat, keluk permintaan wang akan beralih ke kanan, iaitu ke $M^d(y_0)^*$. Pada kadar bunga asal r_0 , berlaku lebih permintaan wang. Ini menyebabkan masyarakat menjual bon, harga bon turun, dan kadar bunga meningkat. Keseimbangan baharu tercapai apabila kadar bunga naik ke r_1 .

Sebahagian calon gagal menjelaskan hubungan antara peningkatan penggunaan dengan peningkatan permintaan wang untuk urus niaga. Selain itu, sebahagian calon gagal mendapat markah penuh kerana salah mengalihkan keluk M^D , iaitu ke bawah. Calon juga tidak menghuraikan proses menuju keseimbangan dengan baik. Calon tidak mengaitkan ketidakseimbangan yang berlaku dengan aktiviti jual beli bon oleh masyarakat dan hubungan antara harga bon dengan kadar bunga. Ini menyebabkan calon kehilangan markah yang banyak.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menerangkan bagaimana dasar kadar bunga semalaman boleh mengawal inflasi dengan berbantuan gambar rajah pendekatan perbelanjaan agregat-pendapatan (AE-Y).



Calon seharusnya menyatakan keseimbangan asal di titik E_0 . Bank pusat akan meningkatkan kadar dasar semalaman untuk mengawal inflasi. Maka, kos pinjaman akan meningkat dan pelaburan dan perbelanjaan penggunaan berkurang. Ini menyebabkan keluk AE akan beralih ke bawah, iaitu ke AE_1 . Pada pendapatan negara asal, berlaku lebih inventori. Firma akan mengurangkan keluaran. Penurunan pendapatan negara dari Y_0 ke Y_1 menunjukkan inflasi diatasi.

Sebahagian besar calon dapat melakar gambar rajah dengan tepat dan melabelkan paksi dan keluk dengan betul. Calon dapat menghuraikan keseimbangan asal, menjelaskan perubahan AE, dan menghuraikan keseimbangan baharu dengan betul. Namun begitu, ada juga calon yang salah mengalihkan keluk AE, iaitu ke atas.

Sebahagian besar calon tidak mengaitkan kesan tindakan bank pusat meningkatkan kadar bunga semalaman dengan kos meminjam wang dan seterusnya kesan ke atas pelaburan atau perbelanjaan penggunaan. Selain itu, calon tidak mengaitkan penurunan pendapatan negara dengan inflasi dapat dikawal, sebaliknya calon mengaitkannya dengan harga.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan empat sebab sesebuah negara mengenakan sekatan perdagangan antarabangsa. Calon sepatutnya menghuraikan mana-mana empat daripada sebab yang berikut:

- (a) Menggalakkan perkembangan industri muda atau industri tempatan
- (b) Melindungi industri penting atau strategik
- (c) Meningkatkan guna tenaga
- (d) Membaiki imbalan pembayaran
- (e) Menghindari dasar lambakan
- (f) Menghalang barang yang berbahaya atau eksternaliti penggunaan negatif

Antara huraian yang calon patut berikan ialah sekatan perdagangan antarabangsa dikenakan untuk menggalakkan perkembangan industri muda. Ini kerana keupayaan pengeluaran industri muda belum mencapai tingkat optimum dan kualiti barangannya belum setanding dengan barang yang diimport yang sama jenisnya. Apabila sekatan dikenakan, pengeluaran industri muda akan meningkat.

Pada amnya, calon dapat memberikan sebab sekatan dikenakan dengan baik. Namun demikian, calon tidak dapat memberikan huraian kepada sebab tersebut dengan baik. Contohnya, calon memberikan sebab untuk menggalakkan perkembangan industri tempatan. Huraian kepada sebab tersebut ialah apabila sekatan dikenakan, rakyat boleh menggunakan barang tempatan. Huraian sebegini tidak jelas.

Ada juga calon yang memberikan fakta yang berkaitan dengan sebab-sebab perdagangan antarabangsa dijalankan. Jawapan sebegini tidak menepati kehendak soalan.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon:

- (a) menyatakan pemboleh ubah bocoran dalam ekonomi tiga sektor

Calon seharusnya memberikan jawapan cukai dan tabungan.

- (b) menerbitkan fungsi bocoran dalam sebutan pendapatan negara (Y)

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}W &= S + T \\ &= -1000 + 0.32(Y - T) + T \\ &= -1000 + 0.32Y - 160 + 500 \\ &= -660 + 0.32Y\end{aligned}$$

(c) menghitung pendapatan negara pada tingkat keseimbangan menurut pendekatan suntikan-bocoran
Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}S + T &= I + G \\-660 + 0.32Y &= 427 + 545 \\0.32Y &= 427 + 545 + 660 \\Y &= 1632 \div 0.32 \\&= \text{RM}5100 \text{ juta}\end{aligned}$$

(d) (i) memberikan maksud jurang keluaran negara kasar (KNK). Jurang KNK ialah perbezaan antara pendapatan negara sebenar dengan pendapatan negara guna tenaga penuh.

(ii) menghitung pengganda perbelanjaan kerajaan

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}K &= 1.00 \div (1 - b) \\&= 1.00 \div (1 - 0.68) \\&= 1.00 \div 0.32 \\&= 3.125\end{aligned}$$

(iii) menghitung jumlah perbelanjaan kerajaan (G) yang perlu ditambah untuk mencapai tingkat guna tenaga penuh

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\Delta G &= \text{Jurang KNK} \div \text{Pengganda perbelanjaan kerajaan} \\&= 1250 \div 3.125 \\&= \text{RM}400 \text{ juta}\end{aligned}$$

Maka G perlu ditambah sebanyak RM400 juta.

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka memahami kaedah suntikan dan bocoran. Namun begitu, ada juga calon yang cuai dalam menjawab soalan ini. Antara kecuaiannya ialah:

- menghitung keseimbangan pendapatan negara dan bukan menunjukkan fungsi bocoran dalam sebutan Y
- menghitung keseimbangan Y dengan menggunakan kaedah AE-Y
- melakukan kesilapan semasa membuat pengiraan. Walaupun jalan kerja betul, tetapi jawapannya salah.
- menggunakan kaedah persamaan untuk menghitung perbelanjaan kerajaan

Soalan 28

Soalan ini menghendaki calon melakar keluk permintaan wang, menghitung jumlah permintaan wang untuk spekulasi, menentukan kadar bunga pada tingkat keseimbangan, menentukan tingkat keseimbangan kadar bunga yang baharu dan menjelaskan sebabnya, dan menyatakan kesan yang akan berlaku ke atas keluk permintaan wang dan tingkat keseimbangan kadar bunga di pasaran apabila pendapatan negara meningkat.

Sebahagian calon dapat melakar keluk permintaan wang dengan tepat dan melabelkan paksi dan keluk dengan betul. Namun demikian, ada juga calon yang tidak memahami permintaan wang di pasaran yang terdiri daripada permintaan wang untuk tujuan urus niaga, awasan, dan spekulasi. Oleh itu, calon tidak dapat menghitung jumlah permintaan wang untuk spekulasi dengan betul.

Soalan 29

Soalan ini menghendaki calon memberikan maksud pendapatan, menyatakan alasan nilai pendapatan negatif, menghitung imbangan akaun perkhidmatan, akaun semasa, imbangan keseluruhan, menyatakan maksud kesilapan dan ketinggalan, dan menjelaskan alasan nilai kesilapan dan ketinggalan bernilai negatif.

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan maksud pendapatan dengan jelas. Sebahagian besar calon hanya menyatakan pendapatan pelaburan tetapi tidak mengaitkannya dengan perbezaan keuntungan atau pendapatan pelaburan.

Kebanyakan calon gagal menghitung imbangan akaun perkhidmatan, akaun semasa, dan imbangan keseluruhan. Calon menggunakan formula atau jalan kerja yang salah, terutamanya pada bahagian imbangan akaun perkhidmatan. Calon juga tidak memasukkan butiran urus niaga kerajaan dalam penghitungan akaun perkhidmatan. Ini menyebabkan jawapan calon salah.

Pengajian Perniagaan (946/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Dalam penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah seramai 15,769 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 42.52%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	0.77	1.26	3.56	5.43	7.41	10.22	13.87	7.53	8.20	7.82	33.94

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, jawapan kebanyakan calon kurang memuaskan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tersusun, isi demi isi, dan menggunakan istilah-istilah yang tepat. Misalnya, calon menggunakan istilah “orang ramai” sedangkan istilah yang tepat dan sesuai ialah “pelanggan” atau “pengguna”. Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang dapat memberikan jawapan dengan baik.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada 10 soalan esei pendek, iaitu soalan (a) hingga (j).

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan dua fungsi pengurusan yang dilaksanakan dalam sesebuah organisasi. Calon perlu menyatakan mana-mana dua fungsi pengurusan dan memberikan huraian terhadap fungsi pengurusan yang dinyatakan. Sebahagian besar calon dapat mengenal pasti fungsi pengurusan dan dapat menghuraikannya dengan baik. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Perancangan, iaitu proses merancang dan membentuk visi, misi, matlamat, strategi, dan taktik sesebuah organisasi.
2. Pengorganisasian, iaitu proses menyelaraskan sumber yang terdapat dalam organisasi untuk melaksanakan perancangan yang telah dibuat.
3. Kepimpinan, iaitu proses mempengaruhi gelagat pekerja dalam organisasi supaya melaksanakan perancangan yang telah dibuat.
4. Pengawasan, iaitu proses memantau aktiviti dan pencapaian supaya perancangan yang dibuat tercapai.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga peringkat pengurusan dalam sesebuah organisasi. Calon dikehendaki menyatakan tiga peringkat pengurusan dan memberikan huraian sama ada dari aspek fungsi, kedudukan, kaitan dengan peringkat yang lain, bidang tugas, atau seumpamanya. Sebahagian besar daripada calon dapat memberikan jawapan dengan baik. Antara kelemahan calon pula ialah mereka hanya mengemukakan fakta tanpa huraian atau huraian yang diberikan tidak tepat dengan fakta yang diberikan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Pengurusan atasan
Pengurus atasan merupakan pengurus besar atau presiden atau ketua eksekutif bagi sesebuah organisasi. Mereka mungkin pemilik syarikat atau ahli lembaga pengarah syarikat atau pekerja yang dilantik oleh lembaga pengarah bagi menjawat jawatan tersebut.
2. Pengurusan pertengahan
Pengurus pertengahan merupakan pengurus fungsian atau jabatan, seperti pengurus bahagian pemasaran, pengeluaran, kewangan, atau pengurus jabatan mengikut produk.
3. Pengurus bawahan (penyelia)
Pengurus peringkat ini biasanya terdiri daripada penyelia yang bertanggungjawab kepada pengurus pertengahan. Pada kebiasaannya, kerja mereka mengikut kemahiran khusus, seperti sebagai penyelia pengeluaran, penyelia mesin, penyelia pemasaran, penyelia akaun, dan sebagainya.

Soalan (c) menghendaki calon menerangkan aplikasi analisis peluang (*opportunity*) bagi syarikat Encik Amir berdasarkan petikan yang diberikan dalam soalan. Calon dikehendaki menggunakan analisis *Strength, Weaknesses, Opportunities, and Threats* (SWOT). Untuk menjawab soalan ini, calon hendaklah menyatakan analisis peluang berkaitan dengan analisis faktor luaran, iaitu faktor persekitaran perniagaan. Kemudian calon perlu menyatakan faktor yang terdapat dalam senario tersebut seterusnya memberikan contoh tindakan yang boleh diambil oleh Encik Amir. Kebanyakan calon dapat menghuraikan kaitan kes daripada petikan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang gagal menyatakan faktor luaran dengan jelas dan tidak dapat memberikan huraian yang baik. Antara jawapan yang boleh diberikan oleh calon adalah memberikan maksud analisis peluang, iaitu mengenal pasti faktor luaran yang boleh membantu dan memberikan kesan positif kepada pencapaian objektif sesebuah perniagaan. Merujuk kepada petikan dalam soalan, pengaplikasian analisis peluang adalah dengan melihat kepada faktor luaran yang boleh memberikan impak positif kepada syarikat pengeluar kasut. Selain itu, “keadaan penduduk di negara tersebut yang kebanyakannya tidak memakai kasut memberikan peluang yang baik kepada syarikat Encik Amir untuk memasarkan produk kasut keluarannya” (pasaran baharu).

Soalan (d) menghendaki calon menerangkan pengaruh kuasa ganjaran dan kuasa desakan ke atas produktiviti sesebuah organisasi. Untuk menjawab soalan ini, calon perlu menjelaskan maksud kuasa ganjaran dan kesan pelaksanaan kuasa ganjaran. Calon juga perlu menjelaskan maksud kuasa desakan dan kesannya ke atas peningkatan produktiviti sesebuah organisasi. Sebahagian besar calon dapat menghuraikan pengaruh kuasa ganjaran dan kuasa desakan. Kelemahan calon pula ialah mereka sekadar mengulangi penulisan soalan dan memberikan contoh yang kurang sesuai, misalnya kuasa ganjaran ialah kuasa untuk memberikan ganjaran. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon ialah:

1. Kuasa ganjaran
Kuasa untuk memberikan ganjaran sama ada dalam bentuk wang atau bukan wang bagi mempengaruhi produktiviti sesebuah organisasi. Selain itu, pengurus boleh memberikan ganjaran kepada pekerja yang mempunyai produktiviti yang tinggi sebagai motivasi.

2. Kuasa desakan

Kuasa untuk mengenakan tindakan berbentuk negatif kepada pekerja yang tidak mematuhi kehendak organisasi, seperti desakan dalam bentuk penurunan pangkat, pemecatan, pemotongan gaji, dan sebagainya.

Soalan (e) menghendaki calon menyatakan empat kegunaan fail meja. Sebahagian besar calon dapat memberikan kegunaan fail meja dengan tepat. Antara contoh jawapan yang boleh diberikan oleh calon adalah:

1. Mengetahui senarai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan
2. Mengetahui dan memahami prosedur kerja yang perlu dilaksanakan
3. Mengetahui senarai semak setiap keputusan dan tindakan yang perlu dilaksanakan
4. Mengetahui bidang kuasa yang dipunyainya
5. Menerangkan kedudukan sesuatu jawatan dalam organisasi
6. Menerangkan objektif jabatan

Soalan (f) menghendaki calon menghuraikan halangan komunikasi semantik dan sosiologi. Untuk menjawab soalan ini, calon perlu menghuraikan maksud halangan komunikasi dari aspek semantik dan sosiologi. Sebahagian besar calon dapat memberikan huraian yang tepat berkaitan dengan halangan komunikasi semantik. Kelemahan calon yang ketara pula ialah mereka gagal memberikan huraian bagi aspek sosiologi. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Semantik

Halangan semantik berlaku apabila sesuatu perkataan mempunyai makna yang berbeza atau banyak makna. Sebagai contoh, perkataan daki yang bermakna memanjat ataupun kotoran di kulit atau permukaan.

2. Sosiologi

Halangan sosiologi ialah halangan komunikasi yang berlaku antara pendengar dengan penerima yang berbeza dari aspek status, tahap umur, pendidikan, atau budaya. Contohnya, presiden bagi sesebuah syarikat mungkin kurang memberikan perhatian terhadap cadangan yang diberikan oleh staf operasi kerana staf bawahan kurang mampu untuk memberikan cadangan yang baik.

Soalan (g) menghendaki calon menghuraikan dua perbezaan antara komunikasi lisan dengan komunikasi bukan lisan (bertulis). Untuk menjawab soalan ini, calon seharusnya menyatakan dimensi yang relevan sebagai asas perbandingan dan memberikan huraian terhadap fakta yang berkaitan dengannya. Sebahagian besar calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik dan tidak dapat memberikan dimensi yang relevan sebagai asas perbandingan. Antara contoh kombinasi jawapan mengikut dimensi yang boleh diberikan oleh calon adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Dimensi Perbezaan	Komunikasi Lisan	Komunikasi Bukan Lisan (Tulisan)
Perantaraan	Suara	Huruf
Kepantasan	Cepat	Lambat
Kontek	Peribadi	Jarak
Maklumbalas	Segera	Lambat
Mesej	Dapat dijelaskan segera	Lambat penjelasan
Bukti	Tiada rekod	Dokumen bertulis

Soalan (h) menghendaki calon menyatakan dua teknik mendengar secara aktif dan dua fungsi mendengar secara aktif. Calon seharusnya menyenaraikan dua teknik dan dua fungsi mendengar secara aktif. Sebahagian besar calon dapat memberikan dua teknik mendengar secara aktif dengan tepat. Contohnya:

1. Teknik mendengar secara aktif
 - Mengulangi maksud yang dikomunikasikan oleh pembicara
 - Meluahkan kefahaman terhadap perasaan pembicara
 - Bertanyakan soalan sekiranya tidak pasti dengan sesuatu maklumat
2. Fungsi mendengar secara aktif
 - Dapat membuat keputusan dengan lebih tepat kerana semua maklumat telah didengari dengan baik
 - Dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana semua masalah dan keterangan telah didengari dengan baik
 - Mendapat kefahaman yang tinggi tentang sesuatu perkara yang didengari

Walau bagaimanapun, sebahagian besar calon juga gagal memberikan fungsi mendengar secara aktif. Terdapat segelintir calon yang memberikan jawapan teknik mendengar secara aktif yang tidak tepat, iaitu calon mengemukakan teknik mendengar secara berkesan.

Soalan (i) menghendaki calon menghuraikan tiga langkah pertama dalam proses pembuatan keputusan yang menggunakan kaedah statistik deskriptif. Untuk menjawab soalan ini, calon seharusnya memberikan fakta mengikut urutan dan diikuti dengan huraian yang munasabah terhadap fakta tersebut. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta mengikut urutan dengan betul. Walau bagaimanapun, majoriti calon gagal dalam menghuraikannya dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah mengenal pasti masalah, mengutip data, dan menganalisis data.

Soalan (j) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor kecekapan pembuat keputusan. Calon seharusnya menyatakan fakta dan memberikan huraian terhadap fakta tersebut. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta dan huraian yang tepat. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah:

1. Personaliti
Personaliti pembuat keputusan dibahagikan kepada dua, iaitu konservatif dan kesempurnaan. Orang yang konservatif sentiasa berhati-hati dalam mengambil tindakan manakala yang bersifat kesempurnaan mementingkan sesuatu keputusan yang lengkap.
2. Kebijaksanaan
Kebijaksanaan merujuk kepada tahap pendidikan atau pengetahuan serta pengalaman yang dimiliki oleh seseorang yang boleh mempengaruhi dalam proses membuat keputusan.
3. Nilai-nilai yang diamalkan oleh pembuat keputusan
Hal ini merujuk kepada nilai pertimbangan keputusan yang dibuat oleh seseorang.
4. Kreativiti
Kreativiti merujuk kepada sesuatu proses bagi menghasilkan sesuatu idea baharu untuk digunakan dalam tindakan membuat keputusan.

BAHAGIAN B

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan rancangan strategi yang dilakukan oleh MAS bagi memperkukuh operasi. Calon perlu mengenal pasti fungsi perniagaan yang diberikan penekanan oleh MAS,

seperti pemasaran, pengawalan kos (kawalan), dan peningkatan produktiviti. Seterusnya, calon hendaklah menyatakan kaitan dengan fakta kes untuk menunjukkan kefahaman mereka terhadap strategi dan juga langkah-langkah yang berkesan. Kebanyakan calon gagal mengenalpasti fungsi perniagaan yang menjadi asas strategi MAS seperti yang dinyatakan di dalam kajian kes. Calon juga gagal menyatakan fakta secara komprehensif, iaitu memberikan fakta khusus secara tepat, memberikan huraian terhadap fakta tersebut, dan memberikan kaitan kes yang bersesuaian dengan merujuk kepada kes dalam soalan. Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Pemasaran dan promosi yang agerasif
Melalui strategi ini, MAS telah mengurangkan caj kepada penumpang, menawarkan tambahan 10 kilogram berat bagasi secara percuma, dan mengurangkan caj bagi bagasi melebihi had muatan. MAS juga melakukan promosi melalui media sosial, seperti melantik penyanyi Yuna sebagai duta, menggunakan *YouTube Brad Channel*, *Facebook*, dan *Twitter*.
2. Pengurusan kapasiti yang lebih baik
MAS telah menambah pesawat, seperti membeli enam pesawat baru Airbus A380, tujuh Airbus A330, dan lapan pesawat Boeing B738. MAS juga menambahkan bilangan pesawat ATR 72-600. Selain itu, MAS turut menambahkan kekerapan laluan ke destinasi popular, seperti China, Filipina, Hong Kong, kota raya Paris, dan London. MAS turut membuka laluan baharu, seperti ke Dubai (Emiriah Arab Bersatu), Kochi (India), dan Darwin (Australia).
3. Pengurusan kos yang lebih baik dan memacu produktiviti
Melalui strategi ini, MAS menggantung laluan yang tidak menguntungkan, seperti Buenos Aires (Argentina) dan menggantikannya dengan laluan yang lebih menguntungkannya. MAS turut menggunakan pesawat Airbus A380 yang dikatakan boleh menjimatkan penggunaan bahan api sebanyak 20% dan meningkatkan bilangan kapasiti tempat duduk kepada 494 penumpang, yakni boleh menjimatkan kos berdasarkan tempat duduk per kilometer (*seat/km*).

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan bagaimana MAS mengukuhkan strategi penggunaan media sosial sebagai alat komunikasi perniagaan. Calon perlu mengenalpasti strategi yang telah diaplikasikan oleh MAS dalam kajian kes bagi memperkukuh strategi penggunaan media sosial. Majoriti calon gagal mengenalpasti kriteria pemilihan seorang artis antarabangsa, Yuna sebagai strategi MAS memperkukuh promosi melalui media sosial. Jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah MAS melantik penyanyi Yuna sebagai salah satu strategi untuk menarik pelanggan. Ini kerana Yuna merupakan seorang artis yang sedang meningkat naik namanya di persada antarabangsa, mempunyai ramai peminat, dan seorang yang kerap mengembara. Melalui strategi ini, Yuna akan beraksi di rangkaian media sosial MAS, iaitu melalui laman sesawang *YouTube Brad Channel*, *MAS Facebook*, dan *Twitter*.

Soalan 3

Soalan 3 (a) menghendaki calon menerangkan lima syarat yang tersirat di bawah Akta Jualan Barang-barang 1957 (termasuk pindaan). Calon seharusnya menyatakan setiap syarat tersebut (fakta), kemudian memberikan huraian atau memberikan contoh yang bersesuaian. Majoriti calon tidak dapat menyatakan kesemua syarat dengan betul dan tidak dapat memberikan huraian yang tepat. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Masa pembayaran
Ini bermaksud bahawa kedua-dua pihak bebas menentukan masa, sama ada masa itu penting ataupun sebaliknya dalam kontrak yang ingin dilaksanakan. Sekiranya pembeli gagal membayar dalam tempoh tertentu, ia tidaklah menyebabkan sesuatu kontrak itu batal kecuali dinyatakan dalam kontrak.

2. Hak milik
Syarat tersirat yang dinyatakan dalam seksyen 14(a) menyatakan bahawa penjual mestilah mempunyai hak untuk menjual pada masa hak milik barang itu berpindah kepada pembeli. Ini bermaksud bahawa penjual mestilah mempunyai hak milik yang sah ke atas barang yang ingin dijual kepada pembeli.
3. Jualan melalui perihalan atau deskripsi
Terdapat syarat tersirat berkaitan kontrak jualan barang yang menyatakan bahawa apabila sesuatu barang dijual melalui deskripsi (perihalan) maka barang tersebut mestilah secocok ataupun sama dengan apa yang dinyatakan atau dengan sampel atau deskripsinya. Perkara ini dijelaskan dalam seksyen 15 Akta Jualan Barang 1957.
4. Berkaitan kualiti atau kelayakan
Menurut *common law*, seseorang pembeli mestilah berpuas hati dengan kelayakan atau mutu sesuatu barang yang dibelinya atau mereka akan menanggung kerugian atas sikap tidak berhati-hatinya. Prinsip ini dikenali sebagai "*caveat emtor*".
5. Jualan melalui sampel dan contoh
Sesuatu kontrak dikatakan sebagai jualan melalui sampel jika terdapat terma kontrak yang bermaksud sedemikian sama ada secara nyata atau tersirat. Perkara ini dinyatakan dalam seksyen 17.

Soalan 3 (b) menghendaki calon menerangkan lima faktor pekerjaan yang boleh mendatangkan stres kepada pekerja dalam sesebuah organisasi. Calon harus menyatakan faktor (fakta) tersebut kemudian memberikan huraian yang bersesuaian. Kebanyakan calon dapat memberikan faktor-faktor tersebut dengan huraian yang sesuai. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang memberikan jawapan yang salah dengan menyatakan faktor selain faktor pekerjaan, seperti faktor organisasi, dan faktor peribadi atau individu. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

1. Beban tugas
Pekerja ialah manusia yang mempunyai keupayaan yang terhad. Sekiranya ia diberikan terlalu banyak tugas atau beban kerja maka ia akan merasa tertekan. Lebih-lebih lagi apabila masa yang sedikit diberikan untuk mereka menyiapkan tugas tersebut. Pekerja yang diberikan tugas orang lain untuk dilakukannya juga berasa tidak adil dan tertekan. Sebaliknya, jika tidak ada apa-apa kerja atau terlalu sedikit tugas yang hendak dilakukan oleh pekerja juga akan menyebabkan ketegangan kepada pekerja.
2. Peranan
Terdapat dua punca yang melibatkan peranan, iaitu konflik peranan dan kekaburan peranan. Konflik peranan merujuk kepada subordinat bertanggungjawab kepada lebih daripada satu peranan. Subordinat menghadapi masalah dalam memilih untuk menjalankan peranan yang lebih utama, manakala kekaburan peranan pula merujuk kepada subordinat tidak faham akan tugas dan tanggungjawabnya. Dalam kes ini, pengurus harus menjelaskan peranan yang harus dimainkan oleh subordinat.
3. Hubungan interpersonal
Pekerja akan berinteraksi sesama mereka dan dengan penyelia. Penyelia pula akan berinteraksi sesama penyelia untuk mengkoordinasi kerja, dengan pekerja untuk memberikan arahan dan menyelia kerja, dan dengan pengurus untuk membuat perancangan dan melaporkan kemajuan kerja. Hubungan ini boleh menimbulkan ketegangan terutama apabila produktiviti dan kualiti produk terjejas. Kadangkala ketua yang terlalu autokratik juga boleh menimbulkan ketegangan dalam kalangan pekerja.
4. Faktor organisasi
Faktor organisasi berkaitan dengan dasar, peraturan, dan prosedur yang terlalu ketat akan menyebabkan tekanan kepada pekerja. Tekanan juga boleh berlaku disebabkan oleh struktur organisasi yang terlalu *rigid* atau tidak luwes. Subordinat menjalankan kerja mereka seperti mesin dan hanya menerima

arahan daripada ketua sahaja. Kesalahan pekerja dihukum dan kejayaan tidak diberi ganjaran. Faktor-faktor ini boleh menyebabkan ketegangan kepada pekerja.

5. Keadaan tempat kerja

Pekerja ialah manusia yang memerlukan kebersihan dan mengutamakan kesihatan. Kadangkala organisasi tidak menyediakan tempat kerja yang bersih. Tempat kerja yang terlalu kotor, panas, bising, tidak cukup udara dan cahaya, dan berbahaya akan mewujudkan ketegangan kepada pekerja, lebih-lebih lagi apabila kesihatan pekerja terjejas. Pengurus harus menitikberatkan perkara ini dan menyediakan tempat kerja yang selesa untuk pekerja.

6. Gangguan di tempat kerja

Faktor ini mungkin kerap berlaku kepada pekerja wanita. Gangguan seksual sering berlaku di tempat kerja. Bagi mengatasi masalah ini, pihak pengurusan syarikat harus menyediakan tempat rujukan, bantuan, dan penasihat kepada pekerja wanita yang diganggu.



PRESTASI KESELURUHAN

Pada penggal ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 2,257 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 77.67%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.54	8.77	12.54	10.41	13.34	9.75	10.32	2.44	1.46	2.70	15.73

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah baik. Ini adalah kerana terdapat gabungan antara soalan kuantitatif dan soalan kualitatif, iaitu sebanyak 27% - 73%. Kebiasaannya calon menunjukkan prestasi yang baik dalam menjawab soalan kuantitatif berbanding dengan soalan kualitatif. Soalan yang dikemukakan dapat mendiskriminasikan antara calon yang baik dengan calon yang lemah.

Kekuatan calon dalam menjawab soalan adalah seperti yang berikut:

- (i) Calon dapat menjawab dengan baik soalan kuantitatif.
- (ii) Min untuk setiap soalan adalah baik iaitu melebihi 10 kecuali soalan 4 yang mempunyai min kurang daripada 10.

Kekuatan calon dalam menjawab soalan adalah seperti yang berikut:

- (i) Hampir 60% hingga 70% calon masih lagi lemah dalam bahagian kualitatif. Bagi soalan teori calon bukan sahaja perlu menghafal tetapi mereka juga perlu berfikir. Contohnya soalan 1 (a)(ii) memerlukan calon menyenaraikan contoh 'bahan mentah' dan 'belanja dalam pengeluaran pakaian sekolah'. Ramai calon memberikan jawapan yang tidak relevan seperti mesin jahit atau kayu atau tepung.
- (ii) Penggunaan perkataan biasa yang memerlukan penambahan suku kata tetapi calon menggunakan penambahan suku kata yang salah, contohnya soalan 4 (a)(iii) jawapan sepatutnya 'kemungkinan pekerja diberhentikan' dijawab sebagai 'pekerja menghenti', sebagai pelajar tingkatan enam kesilapan begini tidak sepatutnya berlaku.
- (iii) Terdapat segelintir calon tidak menunjukkan jalan pengiraan sokongan dan bila jawapan akhirnya salah maka pemeriksa tidak dapat mengesan jalan kerja yang boleh diberikan markah.
- (iv) Lebih kurang 15% calon masih menggunakan pensil untuk menjawab, ini mengganggu proses pemeriksaan terutama jika dibuat pada waktu malam. Lampu boleh memantulkan cahaya dari tulisan pensil dan tidak jelas.
- (v) Masih terdapat calon daripada pusat yang sama mencuba menjawab lebih daripada 4 soalan. Ini juga melambatkan proses pemeriksaan.

Secara keseluruhan, terma dan ayat yang digunakan dalam kertas soalan ini adalah mengikut piawai dan mudah difahami oleh calon.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud kos dan belanja dan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan dua contoh kos bahan mentah langsung dan dua contoh belanja dalam pengeluaran dan jualan pakaian seragam sekolah. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu terdapat segelintir calon memberikan contoh jawapan yang tidak mengikut kehendak soalan. Jawapan yang sepatutnya ialah kos merupakan nilai tunai atau lain-lain aset yang dikorbankan untuk memperoleh barangan atau perkhidmatan yang dijangka akan memberikan manfaat kepada perniagaan. Manakala belanja ialah nilai tunai atau lain-lain aset yang digunakan untuk memperoleh hasil dan nilai ini terhapus dalam tempoh semasa. Ia juga dikenali sebagai kos tempoh. Bagi jawapan soalan bahagian (a)(ii), contoh kos bahan mentah langsung ialah kain, butang, zip, hook dan lain-lain yang berkaitan manakala contoh belanja ialah belanja penghantaran, pengiklanan, sewa kedai, insurans kedai dan sebagainya

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan empat andaian penggunaan kaedah Kuantiti Pesanan Ekonomi (KPE). Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat.

Jawapan:

- (i) Kuantiti yang sama yang dipesan pada setiap titik pesanan semula, permintaan.
- (ii) Kos pesanan, kos penyimpanan dan masa menunggu setiap pesanan adalah malar.
- (iii) Kos belian seunit tidak terkesan/dipengaruhi oleh kuantiti yang dipesan.
- (iv) Tidak berlaku situasi kehabisan stok.
- (v) Kos kualiti diambil kira hanya setakat komponen-komponen kos pesanan dan kos penyimpanan.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung KPE untuk komponen BTX, bahagian (c)(ii) menghitung jumlah kos pesanan dan kos pemegangan pada KPE, bahagian (c)(iii) menghitung titik pesanan semula komponen BTX, dan bahagian (c)(iv) melakarkan graf KPE. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik pada setiap penghitungan. Namun begitu ramai calon gagal melakarkan KPE kerana kebanyakan mereka melakar keluk dan bukannya garis lurus untuk kos penyimpanan.

Jawapan:

- (i) KPE ialah 448 unit, (ii) jumlah kos pesanan dan pemegangan ialah RM6,708.21, (iii) titik pesanan semula ialah 417 unit, dan (iv) lakaran graf KPE.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan tiga langkah yang digunakan untuk menentukan kos seunit perkhidmatan. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang tepat. Kelemahan yang sangat ketara kepada calon ialah calon tidak dapat membezakan antara pengeluaran produk dengan perkhidmatan. Jawapan yang sepatutnya ialah mengenal pasti unit kos dan pusat kos, mengumpul dan menganalisis kos, dan menghitung kos seunit perkhidmatan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung jumlah kos yang diperuntukkan bagi Kerja A1 dan Kerja A2 dan bahagian (b)(ii) menghitung yuran perkhidmatan bagi kerja yang telah disiapkan. Kebanyakan

calon tidak dapat jawapan yang tepat kerana tidak memasukkan kos overhead semasa menghitung kos. Majoriti calon gagal menghitung yuran perkhidmatan dengan betul kerana calon mengira hanya peratusan *mark-up* tetapi tidak mengambil kira kos asas. Ini adalah kerana kos asas kerja sepatutnya *ditambah* dengan peratusan keuntungan.

Jawapan:

- (i) Jumlah kos Kerja A1 ialah RM13,400 dan jumlah kos Kerja A2 ialah RM16,300.
- (ii) Yuran perkhidmatan bagi kerja yang disediakan ialah RM16,750.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung unit setara bahan mentah langsung dan kos penukaran dan bahagian (c)(ii) menghitung jumlah kos untuk 90,000 unit yang telah dipindahkan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan:

- (i) Unit setara bahan mentah langsung ialah RM2.25 dan kos penukaran ialah RM1.50.
- (ii) Jumlah kos untuk 90,000 unit yang telah dipindahkan ialah RM337,500.

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon (i) menghitung titik pulang modal dalam unit dan RM bagi setiap produk, (ii) menghitung margin keselamatan dalam RM bagi setiap produk, (iii) memberikan maksud margin keselamatan, berdasarkan kepada margin keselamatan yang dihitung di (ii), berikan alasan, (iv) menjelaskan sama ada perubahan yang berdasarkan kepada andaian situasi yang diberi dalam soalan ini patut dilaksanakan atau tidak, dan (v) menjelaskan sama ada perubahan yang berdasarkan kepada andaian situasi dalam soalan ini yang diberi patut dilaksanakan atau tidak. Majoriti calon dapat menjawab semua soalan dengan baik dan tepat. Terdapat sebilangan calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kerana calon tersebut tidak membaca soalan dengan teliti. Jawapan yang sepatutnya perlu diberi dalam RM tetapi calon memberikan jawapan dalam unit. Terdapat juga calon tidak menunjukkan penghitungan yang sepatutnya untuk mendapatkan jawapan yang betul selepas andaian 'jika tindakan tertentu berlaku' seperti dalam soalan (iv) dan (v).

Jawapan:

- (i) Titik pulang modal (TPM) dalam unit dan RM bagi Produk A ialah 90,000 unit dan RM3.00. TPM dalam unit dan RM bagi Produk B ialah 60,000 unit dan RM4.00.
- (ii) Margin keselamatan dalam RM bagi Produk A ialah RM30,000 dan Produk B ialah RM60,000.
- (iii) Margin keselamatan ialah amaun jualan boleh jatuh sebelum mendapat kerugian. Berdasarkan jawapan (ii), semakin tinggi margin keselamatan semakin rendah risiko untuk produk tersebut tidak mencapai TPM dan seterusnya mendapat kerugian. Produk B mempunyai risiko yang lebih rendah untuk tidak mencapai TPM dan kerugian berbanding Produk A.
- (iv) Tidak patut dilaksanakan cadangan andaian yang diberikan kerana TPM semakin tinggi dan mendapat kerugian sebanyak RM88,000 berbanding dengan TPM dan keuntungan dalam keadaan semasa.
- (v) Patut dilaksanakan cadangan andaian yang diberikan kerana TPM semakin rendah untuk dicapai dan mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan keadaan semasa.

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon (i) menyediakan analisis untuk membantu pengurusan Syarikat Hiastaman Berhad bagi membuat keputusan sama ada menerima atau menolak pesanan daripada Syarikat Lanskap Berhad, (ii) menentukan harga jualan minimum yang membolehkan Syarikat Hiastaman Berhad menerima pesanan khas tersebut, (iii) menjelaskan tiga faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan oleh Syarikat Hiastaman untuk menerima tawaran pada harga seperti di (a)(ii). Kebanyakan calon dapat menjawab semua soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan (a)(ii) kerana calon tidak faham konsep harga jualan minima.

Jawapan:

- (i) Keputusannya ialah menolak tawaran kerana harga tawaran RM500 lebih rendah daripada jumlah kos RM604.
- (ii) Harga jualan minimum ialah jumlah kos berubah iaitu RM604.
- (iii) Faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan ialah tanggungjawab sosial, undang-undang dan peraturan larangan, persaingan, keadaan ekonomi, dan mengembangkan perniagaan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon (i) membuat penghitungan kos membuat dan kos membeli periuk porselin dan besi tahan karat, menentukan keputusan sama ada membeli atau membuat periuk tersebut, (ii) memerihalkan tiga faktor kualitatif yang perlu dipertimbang untuk membuat keputusan di (b)(i). Kebanyakan calon dapat menjawab semua soalan ini dengan baik. Namun begitu ada calon yang tidak dapat membezakan kos-kos yang relevan dan kos yang tidak relevan. Terdapat juga calon yang menjawab soalan pembuatan keputusan sama ada membuat atau membeli, penghitungan hanya setakat margin sumbangan sahaja dan bukannya berasaskan untung atau rugi seperti yang diminta oleh soalan.

Jawapan:

- (i) Jumlah kos membuat ialah RM586,000 dan jumlah kos membeli ialah RM564,000. Syarikat Hup Son Berhad patut membeli dari luar dan tidak membuat sendiri kerana kos dapat dijimatkan sebanyak RM22,000.
- (ii) Faktor-faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan adalah seperti yang berikut:
 1. Adakah terjamin kualiti periuk hidangan itu?
 2. Kebolehpercayaan penyediaan dan penghantaran mengikut masa oleh pembekal.
 3. Kesan ke atas pekerja. Adakah bilangan pekerja terpaksa dikurangkan kerana tidak perlu lagi tenaga mereka untuk pengeluaran periuk hidangan? Bolehkah pekerja-pekerja itu dipindahkan kebahagian lain?
 4. Adakah bekalan periuk hidangan itu akan berterusan sampai bila-bila?

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon (i) memberikan tiga sebab berlakunya varians kecekapan buruh langsung yang tidak memuaskan dan tiga sebab berlakunya varians penggunaan bahan mentah langsung yang tidak memuaskan, (ii) menyatakan tiga cara untuk mengatasi masalah bagi setiap varians yang dinyatakan di (i) agar tidak berulang lagi di masa hadapan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik bagi semua soalan tersebut. Ini adalah kerana soalan ini berbentuk kualitatif. Bagi calon yang mahu berfikir, kedua-dua soalan kualitatif itu adalah soalan yang mudah kerana ianya berkait rapat antara satu dengan lain iaitu 'variens kecekapan buruh' dan 'varian penggunaan bahan mentah'.

Jawapan:

(i) **Varians kecekapan buruh langsung**

Sebab tidak memuaskan:

- (1) Buruh kurang kemahiran atau latihan.
- (2) Kesilapan dalam pengagihan pekerja dan masa.
- (3) Penyeliaan yang lemah.
- (4) Wujud pembaziran masa.

Varians penggunaan bahan langsung

Sebab tidak memuaskan:

- (1) Bahan mentah langsung yang rosak.
- (2) Kecuaian semasa mengendalikan bahan mentah langsung.
- (3) Kualiti bahan yang rendah.
- (4) Kesilapan dalam pengagihan bahan langsung.

(ii)

Cara mengatasi:

- (1) Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif.
- (2) Menyediakan pelan latihan yang teratur untuk pekerja.
- (3) Mengagihkan tugas kepada pekerja yang sesuai dengan kemahiran.
- (4) Menggunakan buruh berkemahiran untuk menjalankan tugas.

Cara mengatasi:

- (1) Menggunakan bahan mentah langsung yang berkualiti.
- (2) Kuantiti bahan mentah langsung digunakan mengikut spesifikasi yang betul.
- (3) Mengagihkan bahan mentah langsung kepada setiap kerja dengan betul.
- (4) Kawalan pergerakan bahan mentah langsung.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung (i) varians harga bahan mentah langsung dan varians kuantiti bahan mentah langsung, (ii) varians kadar buruh langsung dan varians kecekapan buruh langsung, (iii) varians perbelanjaan overhed berubah dan varians kecekapan overhed berubah. Majoriti calon tidak dapat mengira kos overhed berubah sebenar, walaupun maklumat yang diberi adalah lengkap untuk menjawab soalan (iii) varians perbelanjaan overhed berubah. Ini adalah kerana kemungkinan besar calon tidak biasa dengan maklumat yang diberi bagi menghitung kos overhed berubah sebenar. Namun begitu bagi soalan (iii) yang berkaitan dengan varians kecekapan, majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat.

Jawapan:

- (i) Varians harga bahan mentah langsung ialah RM13,000 (Memuaskan) dan varians kuantiti bahan mentah langsung ialah RM8,000 (Memuaskan)
- (ii) Varians kadar buruh langsung ialah RM10,875 (Memuaskan) dan varians kecekapan buruh langsung ialah RM5,000 (Memuaskan)
- (iii) Varians perbelanjaan overhed berubah ialah RM97,500 (Tidak memuaskan) dan varians kecekapan overhed berubah ialah RM5,000 (Memuaskan)

Mathematics (M) (950/2)

OVERALL PERFORMANCE

The number of candidates for this subject was 1,091. The percentage of candidates who obtained a full pass was 64.98%.

The achievement of candidates according to grades is as follows:

Grade	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Percentage	3.67	5.68	6.78	8.98	12.37	12.74	14.76	5.41	6.97	5.32	17.32

RESPONSES OF CANDIDATES

General comments

In general, the performance of candidates was satisfactory. The candidates could answer quantitative questions well but required more skill to answer qualitative questions.

There is a significant difference in the quality of scripts produced by different centres.

Some were well prepared and showed considerable confidence in their responses. There were a few excellent scripts with well-planned and clearly presented responses.

Comments on individual questions

Question 1

The performance of the candidates was moderate. Candidates did not give the answer in the correct unit (RM million). Some candidates could not sketch the shape of the distribution properly.

Answers: (a) Mean = RM5.37 million, SD = RM1.656 million; (b) – 0.9845

Question 2

Probability is probably a topic students are weak in as not many candidates could answer the question completely.

Most of candidates were unable to write the conditional probability $P(B|A) = 0.45$ correctly and gave the wrong answer as $P(B) = 0.45$.

Some candidates assumed independent to solve part (a)(i).

Answers: (a) (i) 0.315 (ii) 0.415 (iii) 0.385; (b) A & B are not independent

Question 3

Candidates could answer this question but could not state the probability function of X . They gave the answer in table form.

Answers: $p = 0.25$, $n = 4$, $P(X = r) = {}^4C_r(0.25)^r(0.75)^{4-r}$, $r = 0, 1, 2, 3, 4$

Question 4

- (a) Most candidates were unable to comment on the relationship between x and y . Few candidates connected the points in their scatter diagram.
- (b) Most of the candidates misread 'ln' as 'in'. Their least squares regression line are in the form $y = a + bx$ and not $\ln y = a + bx$.
- (c) A majority of the candidates could not get the correct answer due to the mistake made in part (b).

Answers: (a) Non-linear relationship between x and y ; (b) $\ln y = 0.311x - 0.565$; (c) 1.972

Question 5

The performance of the candidates was not satisfactory. Many candidates did not give the answer in two decimal points for index number. Candidates used the weighted aggregate formula instead of weighted average formula for part (b).

Answers: (a) 160.00; (b) 118.55 or 119.56 or 115.75 or 114.85

Question 6

Almost all the candidates answered this question wrongly. They did not know the components of the time series.

Answers: Present: trend & irregular, absent: seasonally & cyclical

Question 7

Very few candidates answered this question.

Answers: (b) $f(t) = -\frac{1}{2}(t - 2)$, $0 \leq t \leq 2$; (d) $\frac{5}{9}$; (e) $2 - \sqrt{2}$

Question 8

Candidates could answer this question.

- (a) Most candidates made mistakes in the label for the axes. The 'thousand tonnes' was left out.
- (b) Almost all candidates answered this part correctly.
- (c) Most candidates managed to calculate seasonal indices correctly. Some candidates used the additive model.
- (d) Many candidates stopped calculating when they got $y = 874.48$

Answers: (c) 0.9276, 0.9641, 1.071, 1.037; (d) 817.06 thousand tonnes

Mathematics (T) (954/2)

OVERALL PERFORMANCE

The number of candidates for this subject was 6,704. The percentage of the candidates who obtained a full pass was 53.33%.

The achievement of the candidates according to grades is as follows.

Grade	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Percentage	3.18	3.60	4.74	8.33	9.90	13.58	9.90	4.45	2.52	4.38	35.42

RESPONSES OF CANDIDATES

General comments

In general, the quality of the answers is on average and the concept and notation for limits were poorly presented. Most of the candidates arranged the answers according to the correct sequence and managed to write well-presented and neat answers. Many candidates did not answer according to the requirement of the questions especially the instruction of hence.

